

OPERASI BERMULA

www.mymrt.com.my



LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN

2017

OPERASI BERMULA

LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN

2017

Singkatan	6
Kata-Kata Aluan Pengerusi	8
Laporan Ketua Pegawai Eksekutif	9
Seimbans Lalu	12

6

16

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

Visi, Misi dan Prinsip-Prinsip Panduan	20
Lembaga Pengarah	22
Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah	27
Barisan Kepimpinan	28
Integriti	30
Program dan Pensijilan ISO	31

32

PROJEK TRANSIT ALIRAN MASSA LEMBAH KLANG

Projek Transit Aliran Massa Lembah Klang	34
--	----

MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG

Operasi Bermula	40
Tempoh Liabiliti Kecacatan	41
Pengurusan Aset	42
Bas Perantara	43
Tanah	44
Penyertaan Bumiputera	44
Program Kerjasama Industri	45
Perhubungan Pihak Berkepentingan dan Awam	46

36

48

MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA

Pembinaan	52
Perolehan	54
Tanah	55
Kuarters Pekerja MRT	56
Penyertaan Bumiputera	57
Program Kerjasama Industri	59
Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar	60
Perhubungan Pihak Berkepentingan dan Awam	61

KOMERSIAL

Pengiklanan	66
Telekomunikasi Komersial	66
Ruang Niaga	67
Kemudahan Tempat Letak Kereta	68
Acara, Perfileman, Fotografi dan Teknologi Baru	68
Hartanah	68

64

70

LAPORAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2017	72
Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain untuk Tahun Berakhir 30 September 2017	73
Penyata Perubahan Ekuiti untuk Tahun Berakhir 30 September 2017	73
Penyata Aliran Tunai untuk Tahun Berakhir 30 September 2017	74

76

PAKEJ KERJA YANG DIANUGERAHKAN

MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang	78
MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya	84



SINGKATAN

KVMRT	Transit Aliran Massa Lembah Klang
Laluan SBK	MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang
Laluan SSP	MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya
MRT Corp	Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
PDP	Rakan Pelaksana Projek
Prasarana	Prasarana Malaysia Berhad
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

KATA-KATA ALUAN PENGERUSI

**Tan Sri Dr
Ali Hamsa**

Pengerusi



Sukacita saya kemukakan Laporan Kemajuan Tahunan MRT Corp bagi tahun kewangan 2017.

Tahun kewangan 2017 merupakan tahun yang amat penting bagi MRT Corp kerana sistem transit aliran massa yang pertama di negara ini iaitu MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang telah mula beroperasi.

Detik bersejarah ini adalah hasil usaha gigih dan kerjasama erat selama enam tahun antara semua pihak yang terlibat dalam projek ini – MRT Corp, Rakan Pelaksana Projek, Kontraktor Pakej Kerja, agensi-agensi Kerajaan dan lain-lain.

Projek ini telah disiapkan tepat pada waktunya dan dengan kos pembinaan RM2 bilion kurang daripada kos pembinaan sasaran asal RM23 bilion. Ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan.

Sebagai wakil Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat atas usaha dan komitmen yang telah membawa kejayaan bagi projek ini.

Malah, Laluan SBK menjadi kebanggaan bukan sahaja buat mereka yang bekerja di MRT Corp tetapi bagi semua warga Malaysia. Dengan siapnya Laluan SBK tepat pada masanya dan kurang daripada kos pembinaan yang disasarkan, terbukti bahawa Kerajaan telah dan akan terus mengambil serius akan pelaksanaan projek yang memberi manfaat kepada rakyat.

Dengan tamatnya pembinaan, Laluan SBK telah diserahkan kepada Rapid Rail Sdn Bhd, pengendali perkhidmatan tren yang dilantik. Saya penuh keyakinan bahawa Rapid Rail, anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd, akan dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada para penumpang setelah mengambil alih sistem rel terbaru dan paling moden di negara ini.

Semasa tempoh laporan ini juga kami telah menyaksikan pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP), laluan kedua, berjalan dengan lancar di mana kerja pembinaan telah dilaksanakan di semua pakej kerja di sepanjang jajaran. Pembinaan tiang dan juga jambat telah berjalan di pelbagai lokasi.

Banyak aktiviti juga berlaku di sebalik pemerhatian orang ramai. Aktiviti pembinaan telah dijalankan di tapak stesen bawah tanah dan persediaan untuk kerja terowong juga telah dijalankan. Kadar pembinaan akan meningkat dalam tahun kewangan akan datang, apabila kerja penggalian terowong akan bermula.

Dengan tamatnya tahun ini, MRT Corp kini bersedia menghadapi tahun baru yang lebih mencabar.

Lembaga Pengarah MRT Corp serta Kerajaan akan terus menyokong misi MRT Corp untuk membina pengangkutan awam bertaraf dunia untuk rakyat Malaysia.

Terima kasih.

LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Dato' Sri
Shahril Mokhtar**

Ketua Pegawai Eksekutif



Tahun 2017 akan sentiasa dikenang dengan penuh rasa bangga oleh semua warga kerja di MRT Corp.

Ini kerana tahun 2017 merupakan tahun di mana segala keringat dari warga kerja MRT Corp dan juga rakan kami yang terlibat akhirnya membuahkan hasil.

Selepas enam tahun bertungkus lumus, pembinaan laluan pertama Projek MRT Lembah Klang, MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), telah siap dan ini telah membawa era baru kepada pengangkutan awam di Lembah Klang dan di Malaysia.

PENAMAT YANG MEMBANGGAKAN BAGI LALUAN SBK

Laluan SBK telah dibuka dalam dua fasa. Fasa pertama, melibatkan laluan bertingkat bahagian utara antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan telah mula beroperasi pada 16 Disember 2016.

Tujuh bulan kemudiannya pada 17 Julai 2017, fasa kedua, terdiri daripada bahagian bawah tanah dan bertingkat selatan Laluan SBK telah mula beroperasi. Ini membolehkan laluan pertama MRT di Malaysia dibuka sepenuhnya kepada orang ramai.

Majlis pembukaan Fasa Pertama telah diadakan di Stesen Kwasa Damansara pada 15 Disember 2016, sehari sebelum bermulanya perkhidmatan. Lebih kurang 1,000 tetamu menghadiri majlis tersebut untuk menyaksikan pelancaran perkhidmatan MRT yang pertama di Malaysia.

Pembukaan keseluruhan laluan pada 17 Julai 2017 telah diraikan dengan majlis yang lebih meriah. Majlis rasmi untuk melancarkan keseluruhan laluan telah diadakan di Stesen Tun Razak Exchange. Para tetamu kemudiannya menaiki tren ke Stesen Stadium Kajang di mana detik bersejarah ini diraikan dengan lebih 20,000 orang masyarakat setempat berhimpun di Stadium Kajang.

Majlis tersebut disambut dengan lebih meriahkan kerana bukan sahaja pembinaan telah dapat

disiapkan tepat pada waktunya (sebenarnya dua minggu lebih awal) tetapi dengan kos pembinaan sebenar RM2 bilion lebih rendah daripada kos sasaran asal sebanyak RM23 bilion. Tidak boleh dinafikan bahawa ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan.

Orang ramai telah berpeluang menaiki tren di petang hari itu. Terdapat laporan yang menyatakan bahawa barisan panjang orang ramai telah ada di stesen jauh sebelum waktu pembukaan. Tidak menghairankan, jumlah penumpang Laluan SBK telah melambung selepas pembukaan keseluruhan laluan. Ini mengukuhkan lagi hakikat bahawa terdapat keperluan yang meruncing untuk pengangkutan awam yang baik, moden, cekap dan boleh dipercayai di Lembah Klang.

Seperti di mana-mana majlis yang menggembirakan, terdapat juga unsur kedukaan. Dengan pembukaan keseluruhan Laluan SBK, sudah tiba masanya bagi MRT Corp untuk menyerahkan kawalan laluan kepada pengendali perkhidmatan yang dilantik, Rapid Rail Sdn Bhd.

Anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd mempunyai pengalaman dalam menjalankan transit rel ringan, monorel dan juga bas di Lembah Klang. MRT Corp yakin akan operasi Laluan SBK berada dalam jagaan baik.

Namun begitu, MRT Corp masih mempunyai peranan bagi Laluan SBK. Tempoh liabiliti kecacatan selama dua tahun telah dikenakan untuk laluan tersebut. Semasa tempoh ini, kontraktor Laluan SBK perlu menangani sebarang kecacatan yang telah diusulkan oleh pengendali untuk memastikan operasi tidak terganggu.

MRT Corp telah menubuhkan satu pasukan yang terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan pembinaan Laluan SBK untuk mengurus perkara ini.

Sebagai pemilik aset Laluan SBK, MRT Corp juga berhak untuk mengutip hasil bukan tambang yang dijana dari pengiklanan, penyewaan ruang niaga dan acara, akses infrastruktur

telekomunikasi, teknologi baru dan dalam masa terdekat, pembangunan hartanah.

Dengan sukacitanya kami melaporkan bahawa pendapatan yang diperolehi semasa tempoh laporan - tahun pertama untuk aktiviti komersial MRT Corp – adalah sangat menggalakkan iaitu sebanyak RM16.4 juta.

Penyumbang pendapatan utama untuk tahun ini adalah pengiklanan. Walau bagaimanapun, kami menjangkakan sumber pendapatan akan menjadi lebih pelbagai apabila saluran pendapatan yang lain - terutamanya pembangunan hartanah, di mana semuanya akan berasaskan pembangunan berorientasikan transit – dilaksanakan dalam masa terdekat.

FOKUS KEPADA LALUAN SSP

Dengan tamatnya babak Laluan SBK, MRT Corp akan memberi fokus kepada pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP), laluan kedua Projek MRT Lembah Klang.

Selepas majlis pecah tanah pada 15 September 2016, pembinaan Laluan SSP telah berjalan dengan lancar. Pada akhir tempoh laporan, kemajuan ialah pada 19.1% dan ini menandakan pembinaan menepati jadual yang telah ditetapkan.

Kesemua 10 pakej kerja jejambat, satu pakej kerja bawah tanah, satu pakej kerja depoh, tujuh pakej kerja sistem dan enam daripada sembilan pakej kerja stesen bertingkat telah dianugerahkan.

Aktiviti-aktiviti seperti kerja cerucuk gerak, tukup cerucuk dan pembinaan tiang telah bermula di semua pakej kerja. Pelancaran galang kekotak bersegi untuk pembinaan jejambat – satu tahap pencapaian utama bagi pembinaan ini – telah bermula di Pakej Kerja V202 pada Ogos 2017.

Kemajuan untuk pembinaan bahagian bertingkat Laluan SSP ialah 15.22%, iaitu lebih awal dari jadual yang ditetapkan.

Untuk bahagian bawah tanah, aktiviti untuk kerja sementara telah dimulakan di semua tapak stesen bawah tanah. Sementara itu, kerja struktur tetap seperti pembinaan tembok diafragma untuk stesen telah bermula di tapak stesen Sentul Timur, Titiwangsa dan Bandar Malaysia Utara.

Persediaan untuk membolehkan kerja terowong dimulakan juga berjalan dengan baik, di mana dua daripada empat mesin pengorek terowong baru telah berjaya lulus ujian penerimaan kilang.

Daripada baki lapan mesin pengorek terowong yang dibaikpulih setelah digunakan untuk mengorek terowong Laluan SBK, tujuh telah berjaya lulus ujian penerimaan kilang.

Kemajuan kerja bawah tanah ialah 22.65%.

Kerja sistem mekanikal & elektrik ialah di peringkat reka bentuk konsep sebelum ke peringkat reka bentuk awal dan reka bentuk akhir.

Kemajuan ialah 8.6%, iaitu lebih awal daripada jadual.

Tahun seterusnya merupakan tahun yang sibuk dengan pembinaan Laluan SSP. Beberapa

tahap pencapaian yang signifikan akan berlaku, termasuk permulaan kerja terowong pada suku pertama 2018 dan penyiapan set tren elektrik pertama di Korea Selatan pada akhir 2018.

URUS TADBIR YANG BAIK, INTEGRITI DAN KUALITI

MRT Corp juga telah mengambil beberapa inisiatif untuk memastikan integriti dan urus tadbir yang baik menjadi prinsip panduan yang diterap dalam organisasi. Unit Integriti MRT Corp telah bekerja keras dengan menjalankan program dan aktiviti untuk mencapai matlamat ini.

Usaha unit tersebut ternyata membawa hasil apabila MRT Corp menjadi organisasi rel pertama di Malaysia yang menerima Sijil Pengiktirafan daripada SPRM atas kejayaan melengkapkan 10 Inisiatif Anti Rasuah di bawah Sistem Integriti Korporat Malaysia.

Sijil telah diserahkan kepada MRT Corp oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Dzulkifli Ahmad pada 17 Julai 2017 semasa pelancaran operasi sepenuhnya Laluan SBK.

Pada Oktober 2017, MRT Corp juga telah menjadi organisasi rel pertama yang melakukan lafazkan Ikrar Bebas Rasuah di mana keseluruhan organisasi berikrar untuk menghindarkan diri daripada amalan rasuah semasa menjalankan tugas dalam membangunkan projek infrastruktur terbesar di Malaysia.

MRT Corp juga berjaya memperoleh pensijilan ISO9001: 2016 untuk Sistem Pengurusan Kualiti, sekali lagi menjadi organisasi rel pertama yang mendapat pensijilan ini. Pensijilan ini telah dianugerahkan pada 2 Disember 2016.

Pensijilan ini bermakna bahawa semua proses di dalam organisasi telah dikenal pasti dengan teliti dan dipertingkatkan. Ini akan dapat memastikan tahap kualiti yang tinggi dalam prestasi organisasi.

Kami sudahpun sampai ke penghujung tahun keenam wujudnya organisasi ini. Saya begitu bangga kerana MRT Corp telah dapat membuktikan keupayaannya dalam menyiapkan projek-projek yang telah diamanahkan kepada organisasi ini.

Sepertimana dengan Laluan SBK yang telah disiapkan tepat pada waktunya dan kurang daripada kos pembinaan yang disasarkan, kami di MRT Corp berikrar akan menyiapkan Laluan SSP serta apa-apa laluan lain yang mungkin akan dilaksanakan pada masa akan datang, dengan cara yang sama.

Saya percaya MRT Corp akan terus berkembang maju dan berada di dalam keadaan yang baik untuk memainkan peranan penting dalam misi Kerajaan untuk membangunkan infrastruktur pengangkutan awam dan rel di negara ini.

Terima kasih.



SEIMBAS LALU



Untuk Integriti

19 Oktober 2016

Delegasi dari MRT Corp yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Sri Shahril Mokhtar melawat Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Putrajaya.



Kesinambungan Perjalanan

8 Disember 2016

MRT Corp menerima Bas-Bas Perantara MRT yang pertama untuk digunakan bagi Laluan SBK.



Kerja Selesai

21 Februari 2017

Tren yang terakhir daripada 58 set tren bagi Laluan SBK dihantar oleh SMH Rail Sdn Bhd dari kilang pemasangan tren di Rasa.



Kesedaran Alam Sekitar

4 Oktober 2016

MRT Corp menganjurkan Persidangan Alam Sekitar MRT 2016 sempena Hari Alam Sekitar Negara yang melibatkan para penduduk di sepanjang Laluan SBK.



Majikan Contoh

27 Oktober 2016

MRT Corp memenangi Anugerah Perak bagi Kategori Majikan Pilihan dalam Anugerah Sumber Manusia Malaysia 2016.



Detik Bersejarah

15 Disember 2016

Fasa pertama Laluan SBK yang merangkumi 12 stesen dibuka secara rasmi.



Ditandatangani dan Termeterai

10 Mac 2017

MRT Corp dan Perbadanan Putrajaya menandatangani perjanjian kewujudan bersama bagi pembinaan stesen dan lain-lain struktur Laluan SSP di Wilayah Persekutuan Putrajaya.



Kesalinghubungan

1 Disember 2016

Pemeriksaan ke atas Bas Perantara MRT oleh SPAD sebelum dihantar untuk digunakan bagi Laluan SBK.



Penumpang Bertuah

11 Januari 2017

MRT Corp dan Rapid Rail Sdn Bhd meraikan pelajar Cik Ng Zhi Wei sebagai penumpang kesejuta sejak fasa pertama Laluan SBK dibuka.



Lawatan ke Kwarters Pekerja

26 April 2017

Atase dari Suruhanjaya Tinggi Bangladesh dan Kedutaan Indonesia melawat Kwarters Pekerja Projek MRT di Sungai Buloh.



Semangat Berkongsi

29 Mei 2017

MRT Corp menganjurkan iftar tahunan bersama media semasa bulan Ramadan.



Berkhidmat untuk Semua

7 Ogos 2017

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato' Sri Rohani Abdul Karim mengetuai sebuah delegasi yang terdiri daripada ahli-ahli Majlis Orang Kurang Upaya menaiki Laluan SBK yang baru dibuka.



Maklumat Terkini

23 Mei 2017

MRT Corp menganjurkan sesi taklimat berkenaan Laluan SSP bagi Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan.



Kagum

16 Jun 2017

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Sri Nancy Shukri membuat tinjauan di Stesen Merdeka dengan Ketua Pegawai Eksekutif SPAD Encik Azharuddin Mat Sah sebelum Laluan SBK beroperasi sepenuhnya.



Jenama Baru untuk Stesen

21 Ogos 2017

Manulife Semantan menjadi stesen pertama yang dinamakan di bawah program hak penamaan stesen MRT Corp.



Evakuasi Secara Selamat

25 Mei 2017

Rapid Rail Sdn Bhd dan MRT Corp mengadakan latihan amal kecemasan sebelum Laluan SBK beroperasi sepenuhnya.



Siap Sepenuhnya

17 Julai 2017

Laluan SBK dibuka sepenuhnya secara rasmi.



Perkongsi Maklumat

22 Ogos 2017

MRT Corp bersama Gabungan Jurutera Perunding Bumiputera Malaysia mengadakan seminar tentang cabaran yang ditempuhi dalam pembinaan Laluan SBK.



Pemenang Berganda

23 Ogos 2017

MRT Corp muncul sebagai pemenang dua anugerah di Asian Geospatial Excellence Awards 2017, bagi Kategori Infrastruktur Pengangkutan dan Kejuruteraan Digital.



Sedia Bekerja

29 Ogos 2017

Dua mesin pengorek terowong baru yang akan digunakan bagi Laluan SSP lulus Ujian Penerimaan Kilang di Guangzhou, China.



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

MRT Corp ialah syarikat tujuan khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadi pemaju dan pemilik aset bagi Projek KVMRT. MRT Corp dimiliki penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia.

MRT Corp telah ditubuhkan pada bulan September 2011 dan mengambil-alih pemilikan Projek MRT Lembah Klang dari Prasarana Malaysia Berhad (dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad pada masa itu) pada Oktober 2011.

Tanggungjawab MRT Corp termasuk memantau pembinaan kesemua struktur bertingkat, stesen dan depoh projek. Syarikat ini juga mengurus secara langsung kerja bawah tanah yang melibatkan kerja pembinaan terowong dan stesen bawah tanah.

MRT Corp juga bertanggungjawab ke atas kontrak-kontrak yang terbabit, proses perolehan

dan penyelesaian pertikaian selain memastikan kualiti daripada segi kos, penjadualan, kesihatan, keselamatan dan keperluan alam sekitar.

Syarikat ini bekerjasama dengan pihak lain dalam pembangunan Projek KVMRT.

Pihak lain tersebut termasuk MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd dan MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd sebagai PDP untuk Laluan SBK dan Laluan SSP masing-masing, dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebagai agensi penyelia.

“TANGGUNGJAWAB MRT CORP TERMASUK MEMANTAU PEMBINAAN KESEMUA STRUKTUR BERTINGKAT, STESEN DAN DEPOH PROJEK”

Untuk
menghasilkan dan
menyampaikan
satu sistem MRT
yang efektif,
efisien dan
bersepadu; dengan
selamat, mengikut
jadual dan
menepati kos

MISI VISI

Untuk diiktiraf
sebagai
penyedia
utama
perkhidmatan
pengangkutan
rel bandar

PRINSIP-PRINSIP PANDUAN

Keterbukaan

Kami saling menghormati antara satu sama lain,
menghargai perbezaan dan memanfaatkan perubahan
di bawah satu kepimpinan

Kerjasama

Kami bekerja dengan berkesan sebagai satu pasukan ke
arah mencapai matlamat bersama

Kejujuran

Kami sentiasa mendukung kejujuran dan integriti

Kecemerlangan

Kami sentiasa melakukan yang betul dengan cara
yang betul

Tanggungjawab

Kami sentiasa bertindak secara sensitif dan
bertanggungjawab ke atas segala tindakan dan
hasil kerja

LEMBAGA PENGARAH



Tan Sri Dr Ali Hamsa, 62, ialah Ketua Setiausaha Negara Kerajaan Malaysia.

Sebelum pelantikan beliau, Tan Sri Dr Ali ialah Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta di Jabatan Perdana Menteri. Sebelum itu, beliau telah berkhidmat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri di mana beliau telah memegang jawatan Pengarah Bahagian Pembahagian dan kemudiannya Timbalan Ketua Pengarah Program Transformasi dan Kemajuan Nasional.

Beliau menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1981 sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya sebelum melanjutkan pelajaran di Oklahoma State University, Amerika Syarikat, di mana beliau menerima Ijazah Sarjana Ekonomi pada tahun 1986. Ini diikuti dengan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Alam Sekitar dan Ekonomi pada tahun 1997.

Sebagai Ketua Setiausaha Negara, beliau juga merupakan Pengerusi MyHSR Corporation Sdn Bhd, Institut Integriti Malaysia dan Bintulu Port Holdings Berhad. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga pelbagai pihak berkuasa pembangunan koridor seperti Lembaga Pelaksanaan Koridor Timur, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah Sarawak.

Beliau juga memegang jawatan Pengerusi Bersama bagi Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan dan Timbalan Pengerusi Johor Corporation. Di peringkat antarabangsa pula, beliau merupakan Presiden Pertubuhan Komanwel bagi Pentadbiran dan Pengurusan Awam.



Dato' Sri Shahril Mokhtar, 44, ialah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia.

Sebelum dilantik ke jawatan tersebut pada 2015, beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana Malaysia Bhd, jawatan yang disandang beliau sejak tahun 2010. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi SPAD.

Sebelum menyertai SPAD, beliau pernah bertugas dengan RapidKL sebagai Pengurus Besar Perancangan Korporat. Semasa berkhidmat dalam jawatan itu, beliau telah dipinjamkan sebagai Penasihat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, di mana beliau terlibat dalam usaha merangka Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Beliau juga terlibat dengan makmal untuk penambahbaikan pengangkutan awam di bawah Program Transformasi Kerajaan.

Jawatan-jawatan yang pernah disandang beliau sebelum ini termasuk Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat Penerbangan Malaysia Bhd, Pengurus di PricewaterhouseCoopers Malaysia dan British American Tobacco serta Eksekutif Kanan di Maybank Group.

Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Prasarana Malaysia Bhd dan MyHSR Corporation Sdn Bhd, kedua-duanya syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pengurusan (dengan kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Psikologi Industri dan Organisasi (minor dalam Sains Politik) dari Universiti Missouri, St. Louis, Amerika Syarikat. Beliau juga telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Kellogg School of Management, Universiti Northwestern, Chicago, Amerika Syarikat.



Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, 60, ialah Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan.

Sebelum pelantikannya, beliau memegang beberapa jawatan di Kementerian Kewangan termasuk Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan di Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa dari 2003 hingga 2008, Setiausaha Bahagian, Ketua Bahagian Perhubungan Pelbagai Hala, Ketua di Seksyen Ekonometrik dan Ketua Penolong Setiausaha.

Di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dari tahun 1987 hingga ke tahun 1999, beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Pensewastan dan Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Tenaga.

Beliau berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Tenaga, Pengurusan dan Dasar dari University of Pennsylvania di Amerika Syarikat; dan Ijazah Sarjana Muda dalam Kajian Populasi (Kepujian) dari Universiti Malaya.

Kini, beliau merupakan Ahli Lembaga Khazanah Nasional Berhad, Govco Holding Berhad, Cyberview, Sistem Penerbangan Malaysia, Petronas, Bank Negara Malaysia, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Tabung Haji, Suruhanjaya Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pencen.



**Dato'
Nik Azman
Nik Abdul
Majid**
Ahli Lembaga Pengarah

Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid, 58, ialah Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau sebelum ini berkhidmat di Kementerian Kewangan, di mana beliau mengendalikan analisis ekonomi, pengurusan hutang dan belanjawan.

Beliau pernah dipinjamkan ke Bank Dunia di Washington D.C., Amerika Syarikat, selama dua tahun di mana beliau berkhidmat sebagai Penolong kepada Pengarah Eksekutif. Selain daripada itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Tugas-Tugas Khas.

Semasa di Unit Perancang Ekonomi, sebagai seorang pegawai peringkat menengah, beliau arif dalam mengendalikan analisis dan ramalan ekonomi, pengurusan kewangan awam dan belanjawan serta pembangunan ekonomi. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Pembangunan Wilayah (2006), Pengarah Bajet Pembangunan (2006-2007), Pengarah Makroekonomi (2007-2011), Ketua Sekretariat Majlis Ekonomi (2011-2015) dan Timbalan Ketua Pengarah (2012-Jun 2017).

Beliau terlibat dengan pelan pembangunan serantau dan penyediaan belanjawan pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, beliau telah merangka dan mencadangkan teras strategik makroekonomi dan sasaran pertumbuhan keseluruhan serta tahap perbelanjaan pembangunan. Beliau juga merupakan Ketua Sekretariat Rancangan Malaysia Ke-10, di mana beliau telah menyelaras penyediaan keseluruhan dokumen Rancangan Malaysia Ke-10. Beliau juga bertanggungjawab menyelaras pemetaan inisiatif dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Semasa penyediaan Rancangan Malaysia Ke-11, beliau telah menyelia dua kertas kerja daripada enam teras strategi, iaitu keterangkuman dan pembangunan modal insan, selain daripada menyelaraskan keseluruhan penyediaan Rancangan.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang ekonomi dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dalam bidang ekonomi dari Universiti Nebraska-Lincoln, Amerika Syarikat. Beliau juga telah menghadiri kursus Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Universiti Harvard, Amerika Syarikat, pada tahun 2007.

Beliau menganggotai Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit Lembaga KEJORA. Di samping itu, beliau adalah ahli majlis di Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan ahli Jawatankuasa Audit Majlis MARA dan Lembaga Promosi MARA. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah UDA Holdings Berhad dan ahli jawatankuasa penamaan dan ganjaran UDA Holdings Berhad. Beliau juga berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Malaysia Rail Link Sdn Bhd.



**Datuk Che
Mokhtar
Che Ali**
Ahli Lembaga Pengarah

Datuk Che Mokhtar Che Ali, 63, ialah pengasas dan rakan kongsi di Tetuan Messrs Che Mokhtar & Ling, sebuah firma guaman di Kuala Lumpur.

Dengan pengalaman lebih daripada 30 tahun sebagai pengamal undang-undang, beliau telah berkhidmat sebagai ahli Panel Jawatankuasa Tatatertib dalam Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam dan pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa tersebut.

Beliau juga dilantik sebagai Notari Awam oleh Peguam Negara Malaysia. Sebagai seorang peguam, beliau pernah mengendalikan kes-kes bagi syarikat awam dan swasta, institusi perbankan, pemaju dan badan berkanun seperti Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sains Politik dan Pentadbiran Awam) dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Victoria University of Wellington, New Zealand. Beliau telah diterima sebagai Peguamcara dan Peguambela di Mahkamah Agung New Zealand dalam tahun 1980 dan tiga tahun kemudiannya sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Majistret dan Timbalan Pendakwa Raya.

Beliau kini memegang jawatan Pengarah, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pencalonan di Sumatec Resources Bhd. Beliau merupakan bekas pengarah Idris Hidraulik (M) Bhd, Idaman Unggul Bhd dan Eco World Development Group Bhd (dahulu dikenali sebagai Focal Aims Holdings Bhd).



**Dato'
Sutinah
Sutan**
Ahli Lembaga Pengarah

Dato' Sutinah Sutan, 63, ialah bekas Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau ialah wanita pertama yang dilantik sebagai Pesuruhjaya di SPRM.

Sebelum dilantik ke jawatan tersebut pada tahun 2010, beliau telah memegang beberapa jawatan kanan di SPRM termasuk Pengarah Pendidikan Komuniti dan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan. Beliau juga pernah memegang jawatan Pengarah Negeri Pulau Pinang dan Pahang. Sebelum menyertai SPRM, beliau ialah Pegawai Penyelidik Komunikasi Kanan di Lembaga Perancang Keluarga Negara.

Beliau juga banyak memainkan peranan dan tanggungjawab strategik di dalam dan luar negeri. Antaranya ialah Ketua Urusetia kepada Jawatankuasa Urus Tadbir Sektor Awam (sekarang dikenali sebagai Jawatankuasa Integriti dan Urus Tadbir), Pengerusi pasukan petugas yang bertanggungjawab untuk menggubal instrumen audit nilai dalam sektor awam, Pengerusi Rakan Kerja Meja Bulat untuk Ikrar Integriti Korporat, ahli petugas bagi merangka Pelan Integriti Nasional, ahli dalam Jawatankuasa Urus Tadbir dan Integriti di Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksana di Jabatan Perdana Menteri dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Penasihat Pencegahan Rasuah untuk Pusat Membanteras Korupsi dan Kronisme, Kumpulan Pakar Kerja APEC SME untuk Kod Etika Perniagaan, Inisiatif Anti-Rasuah untuk Asia dan Pasifik di bawah ADB-OECD dan Kumpulan Pakar Anti-Rasuah dan Ketelusan APEC.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kemanusiaan dengan Kepujian dari Universiti Sains Malaysia dengan pengkhususan dalam Komunikasi Massa.



**Datuk Dr Ir
Abdul Latif
Mohd Som**
Ahli Lembaga Pengarah

Datuk Dr Ir Abdul Latif Mohd Som, 62, ialah Pengerusi Eksekutif KL Prima Consult Sdn Bhd, sebuah firma jurutera perunding bersaiz sederhana milik Bumiputera yang beliau tubuhkan pada 1996.

Beliau memulakan kerjayanya di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor apabila beliau berkhidmat sebagai Jurutera Struktur pada tahun 1979.

Setelah menerima ijazah lanjutan pada tahun 1983, beliau menyertai Minconsult Sdn Bhd, salah sebuah firma jurutera perunding terbesar di Malaysia, dan seterusnya berkhidmat di United Engineers (M) Bhd sebagai Jurutera Awam Kanan. Pada 1989, beliau menyertai Sime UEP Bhd sebagai Pengurus Projek di mana beliau kemudiannya telah dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Besar SEA Drillers Construction Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Sime UEP.

Pada 1991, beliau meninggalkan Sime UEP Bhd untuk menjadi Pengarah dan Pemegang Saham Kumpulan Jurutera Maju Sdn Bhd, sebuah firma jurutera perunding sivil dan struktur. Beliau kemudiannya meninggalkan firma tersebut pada 1996 untuk menubuhkan KL Prima Consult Sdn Bhd bersama tiga jurutera profesional yang lain.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Kejuruteraan Awam) dari University of Birmingham, United Kingdom pada tahun 1979 dan mendapat lesen Jurutera Profesional beliau pada tahun 1986. Beliau melanjutkan pelajaran di University of Edinburgh di United Kingdom di mana beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, diikuti dengan PhD dalam Alam Bina (pengkhususan dalam perniagaan antarabangsa) dari Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada 2014.

Beliau juga merupakan Penasihat ICG Global Sdn Bhd, firma perundingan profesional pelbagai disiplin yang terbesar di Malaysia, Ahli Majlis Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia dan Pengerusi Gabungan Jurutera Perunding Bumiputera Malaysia.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Majlis Penasihat DBKL dan juga Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Jurutera Malaysia.



**Encik
Ahmad
Zubir Zahid**
Ahli Lembaga Pengarah

Encik Ahmad Zubir Zahid, 44, ialah Pengarah Zulu Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti swasta yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang beliau tubuhkan pada 2014. Syarikat ini melabur dalam syarikat-syarikat tidak tersenarai terutamanya dalam industri makanan dan minuman. Beliau juga merupakan Pengarah Eksekutif Thinkat Advisory Sdn Bhd, sebuah firma butik penasihat kewangan korporat yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada tujuh tahun dalam industri minyak dan gas luar pesisir, sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) bagi tiga syarikat pembinaan luar pesisir yang berlainan. Sebelum menubuhkan Zulu Capital Sdn Bhd dan Thinkat Advisory Sdn Bhd, beliau adalah CFO Daya Offshore Construction Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Daya Materials Berhad yang menawarkan perkhidmatan pembinaan dasar laut. Sebelum itu, beliau merupakan CFO Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd, sebuah kontraktor perkhidmatan luar pesisir dan marin, dan SapuraAcergy Sdn Bhd, sebuah kontraktor pembinaan dan kejuruteraan dasar laut-ke-permukaan. Kedua-dua syarikat ini adalah syarikat usahasama dalam kumpulan Sapura Energy Berhad.

Sebelum menyertai industri minyak dan gas, beliau menghabiskan lebih daripada satu dekad dalam industri perkhidmatan kewangan sebagai perunding pengurusan, jurubank pelaburan dan juruaudit di Ethos Consulting, ECM Libra, CIMB Investment Bank dan PwC Malaysia.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Chicago Booth School of Business di Amerika Syarikat. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Ekonomi dan Perakaunan dari University of Bristol di United Kingdom pada tahun 1996.

Beliau ialah seorang felo Institute of Chartered Accountants di England dan Wales dan ahli bersekutu Institute of Chartered Accountants di Australia dan New Zealand. Beliau juga ialah ahli Institut Akauntan Malaysia dan Pakar Penilaian Perniagaan Chartered Accountants Australia dan New Zealand. Beliau juga merupakan pemegang lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk aktiviti memberi nasihat tentang kewangan korporat dan juruaudit syarikat berlesen yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.



**Dato'
Noorizah
Abd Hamid**
Ahli Lembaga Pengarah

Dato' Noorizah Abd Hamid, 57, ialah mantan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PLUS Malaysia Berhad.

Semasa mengetuai syarikat tersebut, beliau terlibat dalam rundingan dan perolehan beberapa projek lebuh raya seperti Lebuh raya Utara-Selatan Hubungan Tengah, Laluan Kedua Malaysia-Singapura dan Lebuh raya Butterworth-Kulim serta lebuh raya di Indonesia dan India.

Beliau juga terlibat dalam penswastaan PLUS Expressway Bhd di mana rundingan dengan pihak Kerajaan melibatkan kajian semula perjanjian konsesi syarikat dan juga penerbitan sukuk sebanyak RM30.6 bilion – penerbitan bon Islam terbesar di dunia – dalam penstrukturan semula syarikat.

Beliau juga merupakan Ketua Pegawai Operasi Faber Group Berhad dari tahun 1999 hingga tahun 2003, Pengarah Urusan Faber Group Berhad dan Faber Hotels Holdings Berhad dari tahun 2004 hingga 2007 di mana beliau mengawasi pengurusan keseluruhan syarikat tersebut. Semasa beliau berkhidmat di Faber, tugas utama beliau adalah untuk menjalankan penyusunan semula kewangan syarikat yang merosot.

Jawatan kanan lain yang telah dipegangnya termasuklah Pengurus Besar Kanan Kewangan Projek Lebuh raya Utara Selatan Berhad, Pengurus Kanan Kewangan Korporat Hatibudi Management Sdn Bhd, Pengurus Kewangan Korporat Renong Berhad dan Pegawai Kanan Kewangan Korporat Permodalan Nasional Berhad.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan & Pengurusan) dari Central Michigan University, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari universiti yang sama dan Diploma Perakaunan dari Institut Teknologi Mara.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah MRT Corp telah menubuhkan empat jawatankuasa untuk memastikan integriti dan urus tadbir korporat syarikat yang baik.

Empat jawatankuasa tersebut adalah:

- Jawatankuasa Audit dan Risiko
- Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran
- Jawatankuasa Pemberi Maklumat
- Jawatankuasa Perbankan

Ahli-ahli setiap jawatankuasa terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah.



BARISAN KEPIMPINAN



Datuk Marcus Levon Karakashian
Pengaruh Projek, Laluan Sungai Buloh-Kajang

Sebagai Pengarah Projek Laluan SBK, Datuk Marcus Levon Karakashian mengurus keseluruhan pelaksanaan pembinaan Laluan SBK dengan memastikan keberkesanan pengurusan pembinaan supaya objektif utama projek dapat dicapai. Beliau ialah wakil syarikat dalam tugas mengurus pihak berkepentingan yang berkenaan supaya dapat memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar. Beliau mengawasi peralihan projek dari fasa pembinaan ke fasa Tempoh Liabiliti Kecacatan setelah pembinaan Laluan SBK tamat.



Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid
Ketua Pegawai Kewangan

Sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid bertanggungjawab dalam memastikan keseluruhan pengurusan kewangan dan pentadbiran korporat organisasi berkesan dan efisien. Beliau bertanggungjawab dalam pengurusan teknologi informasi untuk operasi organisasi dan mengawasi penggunaan aset untuk memastikan penggunaan dan penyelenggaraan optimum. Beliau juga bertanggungjawab ke atas pengurusan perolehan dan kontrak serta pelaksanaan agenda Bumiputera dalam Projek KVMRT.


Dato' Amiruddin Ma'aris
Pengaruh Projek, Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya

Sebagai Pengarah Projek Laluan SSP, Dato' Amiruddin Ma'aris mengurus keseluruhan pelaksanaan Laluan SSP dengan memastikan keberkesanan pengurusan pembinaan supaya objektif utama projek dapat dicapai. Beliau ialah wakil syarikat dalam tugas mengurus pihak berkepentingan projek yang berkenaan supaya dapat memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar.



Dato' Zainal Adam
Ketua Pegawai Integriti

Sebagai Ketua Pegawai Integriti, Dato' Zainal Adam bertanggungjawab ke atas keberkesanan pelaksanaan polisi integriti di dalam organisasi, serta memupuk budaya integriti di kalangan pihak berkepentingan Projek KVMRT menerusi program-program dan inisiatif-inisiatif untuk memastikan pematuhan sepenuhnya polisi dan prosedur integriti.



Dato' Sri Shahril Mokhtar
Ketua Pegawai Eksekutif

Dato' Sri Shahril Mokhtar ialah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp. Beliau menetapkan hala tuju strategik keseluruhan organisasi dan memastikan pelaksanaan Projek MRT Lembah Klang adalah sejajar dengan mandat dari Kerajaan serta haluan yang telah ditetapkan oleh Ahli Lembaga Pengarah.



Zainudin Ismail
Pengaruh, Sumber Manusia Strategik

Sebagai Pengarah Sumber Manusia Strategik, Encik Zainudin Ismail bertanggungjawab memastikan strategi tenaga kerja yang berkesan wujud untuk memastikan pengambilan dan pengekalan bakat serta pembangunan pekerja yang berterusan, dan pada masa yang sama, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berharmoni di dalam organisasi. Beliau juga bertanggungjawab menguruskan sebarang perubahan dengan memastikan polisi dan amalan sedia ada masih kekal berdaya saing dan setara untuk memacu kecemerlangan berterusan di dalam organisasi.

Dato' Haris Fadzilah Hassan
Pengaruh, Komersial dan Pengurusan Tanah

Sebagai Pengarah Komersial dan Pengurusan Tanah, Dato' Haris Fadzilah Hassan bertanggungjawab atas usaha memacu dan menguruskan aktiviti komersial dengan penggunaan aset MRT Corp dan aktiviti yang menjana pendapatan bukan tambang. Beliau memastikan segala aset MRT dapat menjana pulangan yang maksimum dan semua potensi pendapatan bukan tambang diterokai dan dioptimumkan. Beliau juga bertanggungjawab atas pengurusan proses pengambilan tanah untuk Projek KVMRT.



David Loo Kean Beng
Setiausaha Syarikat

Encik David Loo Kean Beng merupakan Setiausaha Syarikat dan juga Ketua Bahagian Perundangan dan Kesetiausahaan. Beliau bertanggungjawab atas semua urusan undang-undang dan kesetiausahaan syarikat. Ini termasuk urusan tanah seperti perjanjian dengan pemilik tanah untuk kewujudan bersama. Beliau juga perlu memastikan syarat-syarat kontrak perjanjian pembinaan dan segala pertikaian atas projek dan operasi diurus dan dilaksanakan dengan berkesan.

Syed Mahdhar Syed Hussain
Pengaruh, Piawaian dan Pematuhan

Sebagai orang yang bertanggungjawab atas kualiti dan keselamatan, Tuan Syed Mahdhar Syed Hussain sebagai Pengarah Piawaian dan Pematuhan perlu memastikan Projek KVMRT dilaksanakan dengan menepati amalan terbaik, undang-undang dan peraturan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar. Beliau perlu memastikan sistem dan prosedur operasi piawaian yang diperlukan telah digubal untuk mengawal dan menjamin kualiti projek. Beliau juga bertanggungjawab atas usaha memacu dan menguruskan piawaian ISO MRT Corp, dan penyimpanan ilmu dan dokumen.



Dato' Najmuddin Abdullah
Pengaruh, Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan

Dato' Najmuddin Abdullah bertanggungjawab atas strategi perhubungan awam dan komunikasi yang berkesan untuk mengurus penjenamaan dan reputasi organisasi. Ini termasuk memastikan penyaluran komunikasi dan informasi yang lancar dan berkesan antara pihak berkepentingan projek dan organisasi. Beliau juga bertanggungjawab atas pelaksanaan strategi dan perhubungan dengan pihak berkepentingan supaya dapat memastikan pelaksanaan Projek KVMRT berjalan dengan lancar.





INTEGRITI

MRT Corp, sebagai pemaju Projek KVMRT telah dipertanggungjawabkan dengan penggunaan dana awam untuk pembinaan projek tersebut. Justeru, MRT Corp memberi penekanan yang penting terhadap pelbagai aspek berkaitan urus tadbir dan integriti yang baik dalam penggunaan dana tersebut.

Penekanan ke atas urus tadbir yang baik dan integriti adalah sejajar dengan prinsip panduan MRT Corp.

Unit Integriti MRT Corp secara berterusan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan urus tadbir yang baik dan integriti dalam organisasi, termasuk menyemai nilai-nilai integriti di kalangan warga kerja MRT Corp dan syarikat-syarikat yang berurusan dengan organisasi ini.

Sebagai contoh, Laluan SBK telah disiapkan lebih awal daripada jangka masa yang ditetapkan dengan penjimatan kos kira-kira RM2 bilion daripada kos sasaran asal RM23 bilion. Ini tidak akan dapat dicapai tanpa integriti yang tinggi di kalangan warga kerja MRT Corp dan rakan-rakan niaganya.

Sepanjang tempoh laporan, Unit Integriti telah menjalankan sembilan sesi Program Kesedaran Integriti di MRT Corp. Berdasarkan maklumbalas yang telah diterima, 95% dari warga kerja dengan jawatan Pengurus Kanan ke bawah telah menunjukkan bahawa mereka mendapat manfaat daripada Program Kesedaran itu.

Inisiatif-inisiatif integriti lain yang telah dijalankan dalam tahun kewangan adalah:

- Menjalankan Kajian Semula Proses Perniagaan bagi unit perniagaan untuk mengenal pasti dan mengesyorkan pelan tindakan untuk mengurangkan sebarang unsur rasuah atau penyalahgunaan kuasa.
- Mengendalikan pengesanan dan pengesanan projek untuk memastikan tiada unsur rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- Kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah untuk semua unit perniagaan.

Pada 17 Julai 2017, MRT Corp telah menjadi organisasi rel pertama di Malaysia yang menerima Sijil Pengiktirafan daripada SPRM kerana berjaya menyempurnakan 10 Inisiatif Anti Rasuah di bawah Sistem Integriti Korporat Malaysia. Sijil itu diserahkan kepada MRT Corp oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Dzulkifli Ahmad pada 17 Julai 2017 semasa pelancaran keseluruhan operasi Laluan SBK.

MRT Corp juga merupakan organisasi rel pertama yang melafazkan Ikrar Bebas Rasuah di mana seluruh organisasi telah berikrar untuk menghindarkan diri daripada amalan rasuah semasa menjalankan tugas dalam membangunkan projek infrastruktur yang terbesar di Malaysia.

Sebagai langkah ke hadapan, Unit Integriti akan menggunakan pengurusan anti rasuah untuk memastikan integriti kekal sebagai elemen penting dalam MRT Corp. Ini sedang dilakukan untuk mencapai pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ISO 37001:2016 untuk MRT Corp.



PROGRAM DAN PENSIJILAN ISO

MRT Corp telah berjaya memperoleh pensijilan ISO 9001: 2015 bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) pada 2 Disember 2016 dan menjadi syarikat rel pertama di Malaysia yang mencapai pensijilan tersebut.

Skop pensijilan itu ialah Pengurusan Projek dan Penyeliaan Infrastruktur Transit Aliran Massa yang meliputi perolehan dan perancangan dan reka bentuk Laluan SSP.

Inisiatif itu telah diketuai oleh Jabatan Kualiti dan Jaminan Sistem di Bahagian Piawaian dan Pematuhan MRT Corp, dengan Jawatankuasa Pemandu QMS yang terdiri daripada Barisan Kepimpinan MRT Corp yang memberikan sokongan penuh, komitmen dan kepimpinan yang kuat ke atas arah tuju QMS.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja QMS telah ditubuhkan untuk membangunkan, melaksanakan dan menguruskan sistem pengurusan kualiti di seluruh MRT Corp.

Dengan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001, semua warga kerja MRT Corp dapat memahami proses masing-masing, mengetahui apa yang perlu dilakukan, bagaimana dan bila untuk melakukannya, dan mengapa ia perlu dilakukan.

Pekerja juga dapat memahami hubungan antara proses mereka dengan proses-proses di bahagian atau jabatan lain dan ini dapat menggalakkan kemajuan berterusan bagi proses-proses itu.

Ini seterusnya akan membolehkan mereka melibatkan diri dengan lebih berkesan dan meningkatkan lagi prestasi kerja.


Untuk memastikan kejayaan QMS, pelbagai aktiviti dan perjumpaan telah dijalankan termasuk latihan kesedaran QMS, mesyuarat jawatankuasa QMS, tinjauan prosedur QMS dan pertandingan QMS.

Audit Kualiti Dalam tahun telah dijalankan pada bulan Ogos 2017 untuk menilai sendiri keberkesanan keseluruhan QMS. Sekumpulan Juruaudit Kualiti Dalam terlatih di kalangan warga kerja MRT Corp telah dipilih untuk menjalankan audit secara bebas daripada bidang kerja mereka untuk memastikan objektif dan kesaksamaan proses audit. Tindakan susulan dan pembetulan kemudiannya telah diambil untuk menangani isu yang dikenal pasti semasa audit dan untuk membolehkan isu-isu ditutup.

Di samping itu, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan QMS telah diadakan oleh Jawatankuasa Pemandu QMS pada bulan September 2017 di mana keseluruhan QMS telah dikaji semula bagi memastikan keberkesanan dan keselariannya dengan arah strategik MRT Corp. MRT Corp dijangka akan berjaya lulus audit tersebut.

Pencapaian kualiti bukanlah suatu yang berlaku secara kebetulan. Ia merupakan hasil daripada niat yang betul, komitmen yang tinggi, usaha yang ikhlas, arah yang pintar dan pelaksanaan yang bijak di mana program QMS menjadi sebuah Petunjuk Prestasi Utama di MRT Corp yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah.

QMS merupakan perjalanan berterusan yang memerlukan komitmen daripada semua peringkat supaya ianya dapat dibina dan dimantapkan sebagai satu budaya di dalam MRT Corp.



PROJEK TRANSIT ALIRAN MASSA LEMBAH KLANG



PROJEK TRANSIT ALIRAN MASSA LEMBAH KLANG

Projek KVMRT melibatkan pembinaan jaringan rel bandar yang akan berintegrasi dengan sistem-sistem transit aliran ringan (LRT), monorel, KTM Komuter, KLIA Ekspres dan KLIA Transit yang sedia ada. Jaringan rel bandar ini akan menjadi tulang belakang sistem perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan pada Disember 2010 dan merupakan satu Projek Penggerak Ekonomi Program Transformasi Ekonomi (ETP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Projek ini pada mulanya dicadangkan oleh satu konsortium sektor swasta pada awal 2010 dan merangkumi tiga jajaran MRT.

Kerajaan telah membuat kajian atas cadangan tersebut dan meluluskan pelaksanaan Laluan SBK sebagai jajaran pertama MRT yang dibangunkan.

Pembinaan Laluan SBK sepanjang 51km telah dilancarkan secara rasmi pada 8 Julai 2011.

Pembinaan laluan ini telah berjaya disiapkan dan dibuka kepada orang ramai dalam dua fasa – 16

Disember 2016 bagi Fasa Pertama antara Stesen MRT Sungai Buloh dan Stesen Semantan, dan 17 Julai 2017 bagi keseluruhan laluan.

Kerajaan telah memberi kelulusan bagi pelaksanaan laluan MRT kedua, iaitu Laluan SSP, pada bulan Februari 2014. Kelulusan muktamad Skim Keretapi Laluan SSP telah diterima MRT Corp pada Oktober 2015.

Majlis rasmi pecah tanah bagi Laluan SSP telah diadakan pada 15 September 2016.

Laluan ketiga MRT dijangka akan terdiri daripada satu laluan litar yang akan menghubungkan kesemua rangkaian rel bandar sedia ada. SPAD telah mengenalpasti koridor MRT Laluan 3 di bawah Pelan Pembangunan Rel Bandar dan laluan ini akan dilaksanakan pada masa depan.

Rangkaian Rel Bandar Berintegrasi Lembah Klang



Petunjuk

- | | | | | |
|----------------------------------|----------------------------------|---|-------------------------|---------------------------|
| 1 KTM Laluan Seremban | 5 LRT Laluan Kelana Jaya | 9 MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang | Stesen Sambungan | Terminal Lapangan Terbang |
| 2 KTM Laluan Port Klang | 6 ERL Laluan KLIA Ekspres | 10 KTM Laluan Skypark | Stesen Pertukaran | P Medan Kereta |
| 3 LRT Laluan Ampang | 7 ERL Laluan KLIA Transit | 11 LRT Laluan Bandar Utama-Klang | Terminal Rel | |
| 4 LRT Laluan Sri Petaling | 8 Laluan KL Monorel | 12 MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya | Stesen Bas Antarabandar | |

* Apabila mula beroperasi pada 2021, Laluan SSP akan bermula dari Stesen Kwasa Damansara. Ini menjadikan jumlah bilangan stesen Laluan SSP kepada 38 buah stesen termasuk Stesen Kwasa Damansara, Stesen Kampung Selamat dan Stesen Sungai Buloh yg telah dibina di bawah SBK. Jadi, Laluan SBK juga akan bermula dari Stesen Kwasa Damansara. Ini akan mengurangkan bilangan stesen Laluan SBK dari 31 kepada 29 buah stesen.



MRT LALUAN SUNGAI BULOH -KAJANG




MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG

Laluan SBK sepanjang 51km merupakan laluan pertama Projek KVMRT yang dilaksanakan dengan pembinaan secara rasminya bermula pada 8 Julai 2011.

Laluan tersebut bermula dari Sungai Buloh yang terletak di barat laut Kuala Lumpur dan melalui pusat bandar raya ibu kota Malaysia sebelum berakhir di Kajang, sebuah bandar yang pesat membangun di tenggara Kuala Lumpur.

Laluan ini melalui koridor yang mempunyai penduduk seramai 1.2 juta. Sepanjang 9.5km Laluan SBK adalah laluan bawah tanah di bawah pusat bandaraya Kuala Lumpur manakala jarak selebihnya adalah laluan bertingkat. Laluan ini mempunyai 31 stesen di mana tujuh daripadanya adalah stesen bawah tanah.

MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang





OPERASI BERMULA

Semasa tempoh laporan, peristiwa yang paling penting bagi MRT Corp telah berlangsung, iaitu tamatnya pembinaan dan bermulanya operasi keseluruhan Laluan SBK.

Pembukaan laluan dan permulaan perkhidmatan berbayar telah dilaksanakan dalam dua fasa.

Fasa Pertama yang merangkumi bahagian bertingkat utara Laluan SBK dengan 12 stesen antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan telah dibuka kepada orang awam pada 16 Disember 2016. Majlis pembukaan telah diadakan sehari sebelum pembukaan di Stesen Kwasa Damansara di mana Perdana Menteri telah hadir sebagai tetamu kehormat.

Tujuh bulan kemudiannya pada 17 Julai 2017, Fasa Kedua Laluan SBK yang merangkumi bahagian bawah tanah dan bahagian laluan bertingkat selatan dengan 19 lagi stesen telah mula beroperasi, membolehkan keseluruhan Laluan SBK dibuka kepada orang ramai.

Majlis itu disambut dengan acara yang bermula dengan majlis pembukaan rasmi di Stesen Tun Razak Exchange diikuti dengan sambutan yang dihadiri oleh 20,000 orang awam di Stadium

Kajang. Stadium tersebut terletak bersebelahan dengan Stesen Stadium Kajang. Seperti pembukaan Fasa Pertama, Perdana Menteri telah hadir sebagai tetamu kehormat majlis itu.

Dengan pembukaan sepenuhnya dan permulaan perkhidmatan berbayar, Laluan SBK secara rasminya telah diserahkan kepada Rapid Rail Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd, untuk mengendalikan perkhidmatan sepertimana diperuntukkan di dalam Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT antara MRT Corp dan Prasarana Malaysia Bhd.

Di bawah perjanjian tersebut, semua aset laluan, termasuk semua struktur, tren dan peralatan, kekal dimiliki MRT Corp.

MRT Corp juga mengekalkan haknya untuk menggunakan semua aset Laluan SBK bagi menjana pendapatan bukan dari tambang.

Ini termasuk penggunaan tiang dan jejambat, stesen, tren dan aset-aset lain untuk pengiklanan, sewaan ruang niaga, sewaan ruang acara, bayaran untuk fotografi dan penggambaran, dan aktiviti penjana pendapatan yang lain. Butiran lanjut diliputi di bahagian Komersial laporan ini.

“DI BAWAH PERJANJIAN TERSEBUT, SEMUA ASET LALUAN, TERMASUK SEMUA STRUKTUR, TREN DAN PERALATAN, KEKAL DIMILIKI MRT CORP”

TEMPOH LIABILITI KECACATAN

Dengan pembukaan Laluan SBK, setiap Kontraktor Pakej Kerja yang terlibat dengan pembinaan laluan mempunyai obligasi kontrak kepada MRT Corp untuk memberi Tempoh Liabiliti Kecacatan selama dua tahun bermula dari tarikh permulaan perkhidmatan berbayar.

Ini adalah untuk memastikan Kontraktor Pakej Kerja masing-masing akan membantu pengendali laluan iaitu Rapid Rail Sdn Bhd menangani sebarang kecacatan yang berkemungkinan berlaku di Laluan SBK supaya perkhidmatan berbayar tidak terganggu. Kecacatan boleh ditakrif sebagai kejadian yang tidak diinginkan dan/atau kesalahan yang berulang.

MRT Corp telah menubuhkan Pasukan Tempoh Liabiliti Kecacatan yang bertanggungjawab memastikan PDP menguruskan Kontraktor Pakej Kerja dalam menangani semua kecacatan yang diadukan oleh pengendali laluan dalam tempoh masa yang berkenaan.

Proses ini dipermudahkan dengan Mesyuarat Lembaga Semakan Kerosakan Tempoh Liabiliti Kecacatan dengan Rapid Rail. Semua kecacatan yang dianggap sah didaftarkan dalam pangkalan data, diuruskan dan diselesaikan oleh PDP sehingga kes ditutup.

Pasukan Tempoh Liabiliti Kecacatan bekerjasama dengan Jabatan Pengurusan Aset MRT Corp untuk memastikan kepentingan dan aset MRT Corp dilindungi sepanjang masa. Pasukan Tempoh Liabiliti Kecacatan juga bertanggungjawab atas perubahan dan penambahbaikan Laluan SBK. Segala perubahan hendaklah mematuhi Aplikasi Untuk Prosedur Pengubahsuaian yang diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Aset.

Pada akhir tempoh laporan, Pasukan Tempoh Liabiliti Kecacatan telah menjalankan proses penutupan kes yang belum diselesaikan dan memperbaiki sistem mekanikal dan elektrik Laluan SBK untuk memastikan kecekapan yang optimum dan ketersediaan perkhidmatan.



PENGURUSAN ASET

Memandangkan MRT Corp ialah pemilik semua aset Projek KVMRT, Jabatan Pengurusan Aset di MRT Corp memainkan peranan penting bagi memastikan objektif pengurusan aset strategik organisasi dipenuhi, iaitu keselamatan; kesihatan dan alam sekitar; pematuhan; pengurusan hal ehwal pihak berkepentingan; integriti aset dan pengurusan dan pengoptimuman kos hayat aset.

Jabatan ini mencapai objektif-objektif tersebut dengan melaksanakan proses pengurusan kitaran hayat aset untuk mengimbangi kos, peluang dan risiko terhadap prestasi aset yang dikehendaki, bagi MRT dan Bas Perantara MRT.

Jabatan ini menggunakan maklumat masa nyata daripada sistem pengurusan penyelenggaraan berkomputer untuk memantau keadaan dan prestasi aset.

Jabatan ini juga menjalankan penilaian aset berkala seperti pemeriksaan mingguan depoh rel dan bas, stesen, tren elektrik, bas perantara dan jambat. Ia juga menjalankan audit secara berkala dan rawak ke atas prestasi dan keadaan aset rel dan bas MRT Corp yang dikendalikan dan diselenggara oleh Rapid Rail Sdn Bhd dan Rapid Bus Sdn Bhd.

Peranan lain yang dimainkan oleh jabatan ini adalah memastikan perubahan kepada aset dijalankan dengan cara selamat dan terkawal, dan menguruskan permintaan dari pihak ketiga untuk menyambungkan pembangunan mereka dengan stesen MRT melalui jambat dan laluan pejalan kaki di bawah tanah.



BAS PERANTARA



Dengan pembukaan Laluan SBK, perkhidmatan Bas Perantara MRT yang menyediakan kesinambungan permulaan dan terakhir perjalanan bagi perkhidmatan MRT juga telah mula beroperasi.

Bas-bas ini beroperasi di 55 laluan, di mana 28 laluan adalah dari stesen di bahagian bertingkat utara Laluan SBK antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan, dan 27 laluan adalah dari stesen-stesen antara Tun Razak Exchange dan Kajang.

Dengan pembukaan Fasa Pertama Laluan SBK pada 16 Disember 2016 sehingga akhir tempoh laporan, seramai 4.9 juta orang telah menggunakan perkhidmatan Bas Perantara MRT.

Perkhidmatan Bas Perantara MRT dikendalikan oleh Rapid Bus Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd. Walau bagaimanapun, bas, depoh dan lain-lain aset dimiliki oleh MRT Corp.

Bas Perantara MRT terdiri daripada 150 bas Volvo dan 150 bas Scania. Bas-bas ini terdiri daripada bas perantara unit dek tunggal Completely Knocked Down Diesel 10 meter.

Penghantaran pertama bas Volvo telah dibuat pada 6 Disember 2016, di mana 80 unit telah dihantar untuk pembukaan Fasa Pertama Laluan SBK pada 16 Disember 2016. Sebanyak 70 bas lagi telah dihantar secara berperingkat untuk pembukaan laluan sepenuhnya pada 17 Julai 2017.

Pada masa yang sama, 80 bas Scania telah dihantar pada 2016 untuk menyediakan perkhidmatan Bas Perantara MRT bagi operasi Fasa Pertama Laluan SBK, manakala 70 unit lagi telah dihantar bagi pembukaan keseluruhan laluan pada 17 Julai 2017.

Bas-bas akan ditempatkan di tiga depoh Bas Perantara MRT di Sungai Buloh, Desa Tun Razak dan Kajang. Pada 30 September 2017, bas-bas tersebut ditempatkan di Depoh Bas Perantara MRT Sungai Buloh dan Kajang kerana Depoh Bas Perantara MRT Desa Tun Razak masih dalam pembinaan.

Semasa tempoh laporan, pembinaan Depoh Bas Perantara MRT Sungai Buloh telah siap.

Pemeriksaan oleh pihak berkuasa untuk Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) sedang dijalankan. Depoh ini dijangka akan memperoleh CCC pada Mei 2018.

Pembinaan Depoh Bas Perantara MRT Desa Tun Razak ialah 82% siap pada akhir tempoh laporan dan dijangka akan siap pada Jun 2018. Depoh Bas Perantara MRT Kajang ialah 95% siap dan dijangka akan siap pada Mei 2018.

“BAS PERANTARA MRT TERDIRI DARIPADA 150 BAS VOLVO DAN 150 BAS SCANIA. BAS-BAS INI TERDIRI DARIPADA UNIT DEK TUNGGAL COMPLETELY KNOCKED DOWN DIESEL 10 METER”

TANAH

PENGAMBILAN TANAH

Pengambilan tanah bagi Laluan SBK kini berada di peringkat pasca pengambilan.

Menurut Seksyen 25 Akta Pengambilan Tanah 1960, Seksyen 62 dan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 dan berkaitan dengan Perkara 83 dan 85 Perlembagaan Persekutuan, terdapat keperluan untuk menjalankan pengukuran hak milik muktamad bagi Hak Milik Sambungan untuk tanah yang sebahagiannya telah diambil, rizab tanah untuk jajaran MRT dan bermilik tanah di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Pada akhir tempoh laporan, kemajuan keseluruhan adalah pada 82%.

PERSETUJUAN BERSAMA

Istilah Persetujuan Bersama digunakan oleh MRT Corp untuk skim kewujudan bersama yang membenarkan pemilik tanah bagi tanah yang akan diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk mengekalkan pemilikan tanah mereka, tertakluk kepada hak milik tanah menggambarkan kehadiran struktur MRT.

Pada 30 September 2017, angka Perjanjian Persetujuan Bersama yang telah ditandatangani bagi Laluan SBK adalah 51, di mana KLIFD Sdn Bhd telah menandatangani Perjanjian Persetujuan Bersama untuk membolehkan kewujudan bersama bagi Stesen MRT Tun Razak Exchange.

PENYERTAAN BUMIPUTERA

Dengan siapnya pembinaan dan pembukaan Laluan SBK, program yang dilaksanakan oleh MRT Corp untuk Penyertaan Bumiputera di dalam pembangunannya juga telah tamat.

Lima puluh peratus daripada jumlah nilai kontrak bagi projek, dengan nilai RM10.52 bilion telah dianugerahkan kepada syarikat Bumiputera. Ini ialah pencapaian yang baik kerana sasaran asalnya adalah 43% daripada jumlah nilai kontrak.

Secara keseluruhan, 42 pakej kerja utama telah diberikan kepada syarikat Bumiputera.

Selain daripada penyertaan syarikat besar, Program Penyertaan Bumiputera MRT Corp juga telah merangkumi penyertaan kontraktor Bumiputera Gred G1 hingga G4 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di mana kontraktor dilantik dengan cara pengundian.

Sebanyak 294 pakej kerja bernilai RM204 juta telah dianugerahkan sebagai subkontrak kepada kontraktor-kontraktor tersebut. Kesemua kontraktor ini telah berjaya menyiapkan kerja mereka.

Daripada pakej kerja ini, 36 pakej kerja berjumlah nilai RM26 juta telah dianugerahkan kepada 13 kontraktor yang ditubuhkan di bawah Program Usahawan Muda MRT Pertama (MYEP I). Ini telah menunjukkan kejayaan program ini.

Menggambarkan kejayaan Program Penyertaan Bumiputera, MRT Corp telah menerima beberapa anugerah dan kepujian semasa tempoh laporan. Antaranya ialah sijil penghargaan daripada CIDB bagi sumbangan dan kerjasama MRT Corp di dalam Program Pembinaan Perantisan CIDB, anugerah kecemerlangan khas dari Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) kerana memberikan peluang kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera Gred G1 hingga G4 CIDB untuk menyertai projek mega bertaraf dunia dan sokongan daripada Unit Peneraju Agenda Bumiputera untuk Model Agenda Bumiputera MRT Corp sebagai model rujukan dalam membangunkan penyertaan Bumiputera yang luas dalam projek mega Kerajaan.

PROGRAM KERJASAMA INDUSTRI

Program Kerjasama Industri ialah platform yang dirancang oleh Kerajaan untuk menyokong agenda pembangunan ekonomi negara dengan cara memanfaatkan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja Kerajaan.

Objektif Program Kerjasama Industri ialah untuk mengoptimalkan nilai perolehan negara dan memaksimumkan pulangan pelaburan. Program Kerjasama Industri MRT Corp memberi tumpuan kepada Pembangunan Industri Rel di Malaysia seperti yang dicadangkan dalam Pelan Hala Tuju Industri Sokongan Rel Malaysia 2030.

Faedah yang diperolehi daripada Program Kerjasama Industri adalah dalam kategori berikut: pelaburan langsung asing, penyetempatan atau sub-kontrak, pembangunan modal insan, pemindahan teknologi, aktiviti penyelidikan dan pembangunan, dan akses pasaran.

Program Kerjasama Industri terdiri daripada tiga jenis program – Program Offset, Program Peningkatan Ekonomi dan Perdagangan Timbal-Balas. Hanya Program Offset dan Program Peningkatan Ekonomi digunakan untuk Projek KVMRT.

Berdasarkan Panduan dan Polisi Program Kerjasama Industri dalam Perolehan Kerajaan, semua perolehan Kerajaan yang melibatkan pembekal asing dengan nilai melebihi RM50 juta akan tertakluk pada Program Offset, sementara semua perolehan Kerajaan bernilai lebih daripada RM100 juta yang dianugerahkan kepada kontraktor tempatan akan tertakluk pada Program Peningkatan Ekonomi.

Dengan penyiapan dan pembukaan Laluan SBK, Program Kerjasama Industri Laluan SBK, yang merangkumi 41 inisiatif dengan 337 penerima, telah tamat. Program Kerjasama Industri Laluan

SBK telah menyumbang sebanyak RM2.88 bilion dalam Nilai Kredit Program Kerjasama Industri kepada ekonomi Malaysia.

Antara pencapaian program ini ialah:

- **Penubuhan kilang memasang tren pertama di Malaysia di Rasa, Hulu Selangor.** Dengan pelaburan sebanyak RM55 juta oleh SMH Rail Sdn Bhd dan RM58.5 juta oleh Siemens AG dari Jerman, kilang ini telah membantu mewujudkan sekurang-kurangnya 158 peluang pekerjaan, kebanyakannya bagi penduduk tempatan di lokasi kilang. Malaysia juga mendapat manfaat daripada teknologi dan pengetahuan yang dikongsi oleh Siemens membolehkan kilang pemasangan tren untuk menepati piawaian antarabangsa.
- **Penyetempatan** pembuatan komponen seperti kerusi tren, lampu LED tren, pintu tiket automatik, komponen-komponen sampingan mesin pengorek terowong dan segmen pelapik terowong menggunakan konkrit bertetulang gentian keluli.
- **Penubuhan Akademi Latihan Terowong** oleh kontraktor kerja bawah tanah MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd yang menyediakan latihan bagi 400 graduan.
- **Latihan bagi jurutera Malaysia** dalam pelbagai program pemindahan pengetahuan di Austria, Perancis, Jerman, China dan Thailand.

Program Kerjasama Industri yang berasingan juga dirangka untuk perolehan bas perantara Laluan SBK dengan beberapa inisiatif melibatkan kerja pemasangan tempatan dan akses pasaran.

Sesi latihan telah dijalankan di Sweden dan Poland untuk penerima program seperti Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia; Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; dan Prasarana Malaysia Bhd.


Di samping itu, satu kajian yang bertajuk Kajian Kelayakan Penukaran Biomassa kepada Biokimia dan Biofuel telah dikemukakan dan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebagai input bagi pembangunan dasar industri biomassa bagi kedua-dua negeri tersebut.

Program Kerjasama Industri Bas Perantara Laluan SBK dijangka menjana RM240 juta dalam nilai kredit apabila siap pada 2019.

PROGRAM KERJASAMA INDUSTRI MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG



Jumlah Projek
41



Jumlah Penerima
(Syarikat)
337



Nilai Pemindahan Teknologi/ Pemindahan Pengetahuan
RM400 juta
ICV



Jumlah Peserta Latihan
1,073



Jumlah Pelaburan
(Pelaburan Langsung Asing):
RM58 juta



Penyetempatan/ Sub-kontrak
RM1,078 juta

Sumber: Technology Depository Agency (TDA)



PERHUBUNGAN PIHAK BERKEPENTINGAN DAN AWAM

PERHUBUNGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Dengan pembukaan Laluan SBK, MRT Corp telah mengurangkan peranannya dari segi perhubungan pihak berkepentingan. Maklum balas dan aduan mengenai operasi Laluan SBK dan bas perantara, termasuk kualiti perkhidmatan dan tambang, diserahkan kepada Rapid Rail Sdn Bhd, pengendali laluan MRT dan bas perantara.

Walau bagaimanapun, Jabatan Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan MRT Corp akan terus mengendalikan hal-hal berkaitan dengan isu pasca pembinaan seperti laporan kerosakan kepada harta benda yang berlaku semasa pembinaan.

Untuk menangani isu-isu ini, sebuah pasukan antara jabatan telah ditubuhkan di mana Jabatan Bahagian Perhubungan Pihak Berkepentingan mengkoordinasikan komunikasi antara Pasukan Tempoh Liabiliti Kecacatan, PDP dan pihak berkepentingan yang terjejas.



ACARA DAN AKTIVITI

Acara paling penting yang telah dijalankan semasa tempoh laporan adalah acara yang diadakan bagi merayakan pembukaan Laluan SBK yang dilakukan dalam dua fasa.

Pada 15 Disember 2016, sebuah majlis telah diadakan di Stesen Kwasa Damansara untuk merayakan pembukaan Fasa Pertama Laluan SBK antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan. Pembukaan itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan dihadiri oleh menteri-menteri Kabinet yang lain.

Bahagian laluan ini yang terdiri daripada 12 stesen bertingkat telah dibuka kepada orang awam pada keesokan harinya.

Tujuh bulan kemudiannya pada 17 Julai 2017, satu lagi acara telah dianjurkan untuk pembukaan keseluruhan Laluan SBK. Acara itu telah diadakan di dua lokasi – pertamanya di Stesen Tun Razak Exchange bagi majlis pembukaan rasmi, diikuti dengan perhimpunan 20,000 orang awam untuk merayakan pembukaan laluan di Stadium Kajang. Perdana Menteri merupakan tetamu kehormat bagi majlis itu yang juga dihadiri oleh para menteri Kabinet, agensi Kerajaan dan ketua komuniti.

Berikutan kejayaan pelancaran Laluan SBK, sebuah seminar bertajuk Cabaran yang Ditempuhi untuk Menyempurnakan MRT Lembah Klang telah dianjurkan dengan kerjasama antara Gabungan Jurutera Perunding Bumiputera Malaysia (GJPBM) dan MRT Corp pada 22 Ogos 2017.

KOMUNIKASI DIGITAL

Semasa tempoh laporan, saluran media sosial telah digunakan untuk membantu menyebarkan kesedaran akan pembukaan Fasa Pertama dan juga keseluruhan Laluan SBK, serta usaha berterusan bagi mendidik orang ramai mengenai Projek tersebut.

Hashtag #JOMNAIKMRT telah direka untuk menjana kesedaran di media sosial berkaitan perkhidmatan Laluan SBK yang disediakan seperti tren, bas perantara dan stesen.

Pertandingan seperti "Catch the Train Photo", "Station Check In", "Catch the MRT Cruiser" dan "Spot the Train" telah dianjurkan untuk mewujudkan kesedaran akan pembukaan Laluan SBK.

Selepas pembukaan Laluan SBK, laman web MRT Corp juga telah digunakan untuk memasarkan peluang komersial dengan menyediakan informasi tentang sewaan ruang acara, kadar perfileman dan fotografi bagi laluan itu.



HAB INFORMASI MRT

Semasa tempoh menuju ke pembukaan Laluan SBK, Hab Informasi MRT yang terdiri daripada Pusat Informasi MRT, Kios Informasi MRT dan Trak Informasi MRT telah ditutup secara berperingkat bagi membolehkan pembaharuan atau pengubahsuaian untuk memenuhi keperluan bagi Laluan SSP dilakukan.

Pusat Informasi MRT di Damansara Utama, yang telah ditubuhkan pada 2011 untuk memenuhi keperluan Laluan SBK, telah ditutup pada November 2016. Pusat Informasi MRT ini diganti dengan dua pusat informasi untuk Laluan SSP di Jalan Sultan Azlan Shah dan Seri Kembangan.

Dua Kios Informasi MRT yang berfungsi sebagai pusat informasi mudah alih pada mulanya dibina pada Disember 2011, telah dilupuskan pada Mei 2014. Kios-kios tersebut telah diganti dengan sebuah Kios Informasi MRT baharu bagi Laluan SSP yang dibina pada 2016.

Trak Informasi MRT bagi Laluan SBK yang mula beroperasi pada Jun 2012 telah dilupuskan pada Januari 2016. Sebuah Trak Informasi MRT baharu dengan kandungan Laluan SSP telah mula beroperasi pada Mei 2016.

Talian hotline MRT 24-jam telah ditubuhkan pada Disember 2011 untuk mengendalikan pertanyaan dan aduan berkaitan pembinaan Laluan SBK.

Dengan pembukaan Laluan SBK, pertanyaan dan aduan mengenai perkhidmatan tren dan bas perantara kini dikendalikan oleh Prasarana Malaysia Bhd.

Talian hotline dengan nombor bebas tol yang sama 1800-82-6868 kini digunakan bagi pertanyaan dan aduan mengenai Laluan SSP.



**MRT LALUAN
SUNGAI BULOH
-SERDANG-
PUTRAJAYA**



MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA

Laluan SSP ialah laluan kedua Projek KVMRT.

Laluan ini akan melalui koridor yang bermula dari Sungai Buloh, menerusi pusat bandaraya Kuala Lumpur dan kawasan pinggir bandar di selatan bandar raya hingga ke Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan Malaysia.

Jajaran yang panjangnya 52.2km terdiri daripada jajaran bertingkat sepanjang 38.7km dan jajaran bawah tanah yang melalui terowong sepanjang 13.5km. Laluan ini mempunyai 35 stesen di mana 24 bertingkat dan 11 bawah tanah.

Laluan ini mempunyai 11 stesen pertukaran untuk membolehkan penumpang bertukar dari laluan rel sedia ada dan akan datang.


Kerajaan telah memberi kelulusan untuk melaksanakan Laluan SSP pada 2014. Pemeriksaan Awam di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dijalankan dari bulan Mei sehingga bulan Ogos 2015 untuk mendapatkan maklum balas dan bantahan daripada orang awam.

Kelulusan muktamad bagi Skim Keretapi Laluan SSP telah diberi oleh Kerajaan pada Oktober 2015.

Satu majlis pecah tanah yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah diadakan di tapak Stesen Putrajaya Sentral pada 15 September 2016. Ini menandakan bermulanya kerja-kerja pembinaan Laluan SSP.

Fasa Pertama laluan dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Kampung Batu dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua 2021, sementara laluan dari Stesen Kampung Batu ke Stesen Putrajaya Sentral dijangka mula beroperasi di bawah Fasa Kedua pada suku kedua tahun 2022.

MRT Laluan Sungai Buloh- Serdang-Putrajaya



PEMBINAAN

Bahagian Projek Laluan SSP MRT Corp menguruskan pembinaan jajaran bertingkat Laluan SSP, depoh-depoh, terowong dan stesen-stesen serta sistem mekanikal & elektrik yang diperlukan untuk sistem keretapi yang berfungsi sepenuhnya.

Serupa dengan struktur bagi Laluan SBK, Bahagian Projek Laluan SSP menjalankan dua fungsi yang berbeza.

Bagi kerja-kerja bertingkat, depoh-depoh, kemudahan tempat letak kenderaan bertingkat dan juga pemasangan sistem mekanikal & elektrik, bahagian ini menyelia MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd yang memainkan peranan sebagai PDP bagi Laluan SSP yang secara langsung menguruskan aktiviti-aktiviti pembinaan yang dijalankan oleh kontraktor pakej kerja.

Bagi kerja-kerja bawah tanah, Bahagian Projek Laluan SSP secara langsung menguruskan kerja-kerja pembinaan yang dijalankan, terutamanya dari segi skop kemajuan, keselamatan dan kualiti.

Kemajuan keseluruhan pembinaan Laluan SSP ialah pada 19.13%, dan menepati program pembinaan.



KERJA-KERJA BERTINGKAT

Kerja-kerja bertingkat terdiri daripada 10 pakej kerja pembinaan jambatan bertingkat bagi landasan tunggal dan berkembar sepanjang 38.7km. Kerja-kerja bertingkat turut merangkumi pembinaan 24 stesen bertingkat dan satu depoh di Serdang. Dua stesen untuk masa depan juga dirancang.

Pembinaan bangunan letak kenderaan bertingkat yang akan dibina bersebelahan stesen juga termasuk dalam skop kerja-kerja bertingkat.

Pada akhir tempoh laporan, semua 10 pakej kerja jajaran bertingkat, dua pakej kerja galang kekotak bersegmen, satu pakej depoh dan enam pakej kerja stesen telah dianugerahkan. Pakej kerja stesen yang lain dijangka akan dianugerahkan pada suku akhir 2017.

Kemajuan sebenar kerja bertingkat telah mencapai 15.22%, berbanding dengan program

10.17%. Ini menandakan kerja berjalan lebih awal daripada program.

Semasa tempoh laporan, pembinaan cerucuk gerek, tukup cerucuk dan tiang di semua pakej kerja bertingkat telah dijalankan. Kerja-kerja tanah sedang dijalankan di Depoh Serdang.

Pengeluaran besar-besaran galang kekotak bersegmen di bawah pakej kerja SBG201 dan SBG202 sedang dijalankan dengan kemajuan masing-masing pada 14.45% dan 0.7% siap. Pelancaran galang kekotak bersegmen untuk pembinaan jambatan telah bermula pada Ogos 2017 bagi pakej kerja V202, manakala untuk pakej kerja V201, pelancaran dijangka akan dimulakan pada bulan Oktober 2017.

“ KEMAJUAN SEBENAR KERJA BERTINGKAT TELAH MENCAPAI 15.22%, BERBANDING DENGAN PROGRAM 10.17%. INI MENANDAKAN KERJA BERJALAN LEBIH AWAL DARIPADA PROGRAM ”



KERJA-KERJA BAWAH TANAH

Kerja bawah tanah Laluan SSP merangkumi pembinaan terowong berkembar dan sebelas stesen bawah tanah di sepanjang 13.5km jajaran bawah tanah. Kerja bawah tanah ialah 22.65% siap.

Bagi pembinaan stesen bawah tanah, kerja-kerja sementara telah bermula di semua tapak pada 2017. Pada 30 September 2017, kerja struktur tetap seperti pembinaan tembok diafragma sedang dijalankan di tapak stesen seperti di Sentul Timur, Titiwangsa dan Bandar Malaysia Utara.

Untuk kerja terowong, semasa tempoh laporan, dua daripada empat mesin pengorek terowong baharu telah disiapkan oleh pengilang mesin pengorek terowong Jerman Herrenknecht AG di kilangnya di China. Mesin-mesin tersebut juga telah lulus ujian penerimaan kilang. Dua mesin pengorek terowong lagi sedang dibuat dan sudah 81% siap pada akhir tempoh laporan.

Kerja membaik pulih lapan mesin pengorek terowong yang sebelum ini digunakan untuk kerja terowong MRT Laluan SBK telah siap di kilang membaik pulih mesin pengorek terowong di Pusing, Perak. Tujuh daripadanya berjaya lulus ujian penerimaan kilang pada akhir tempoh laporan.

Peralatan sokongan terowong sedang dipasang di tapak terowong Titiwangsa, tapak terowong persilangan Hospital Kuala Lumpur, tapak terowong Conlay, tapak terowong Chan Sow Lin dan tapak terowong Bandar Malaysia Utara.

Sebanyak 2,400 daripada 16,500 gegelang terowong telah dihasilkan dan ini mencukupi sebagai persediaan untuk kerja-kerja terowong yang dijangka bermula pada suku pertama 2018.

Tapak untuk syaf kecemasan dan pengudaraan serta Portal Selatan Taman Tema Air Desa telah ditubuhkan semasa tempoh laporan, di mana beberapa peringkat kerja pembinaan telah dijalankan. Kerja perlindungan bangunan dan turapan sepanjang 13.5km jajaran bawah tanah juga sedang dijalankan.

KERJA-KERJA SISTEM MEKANIKAL & ELEKTRIKAL

Pakej kerja sistem mekanikal & elektrik untuk Laluan SSP terdiri daripada:

- Semboyan & Kawalan Tren dan Pintu Skrin Platform/Pintu Platform Automatik
- Sistem Penyediaan Kawalan Bersepadu dan Sistem Penyelenggaraan Berkomputer
- Tren Elektrik dan Peralatan Depoh
- Kerja Landasan dan Kenderaan Penyelenggaraan & Tren Kerja
- Sistem Bekalan & Pengagihan Kuasa
- Komunikasi, Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan, Telekom Komersial dan Sistem Teknologi Informasi
- Sistem Kutipan Tambang Automatik

Semasa tempoh laporan, semua kontraktor pakej kerja sistem mekanikal & elektrik telah mengemukakan reka bentuk konsep mereka yang kemudiannya telah dikaji oleh PDP dan MRT Corp. Sebanyak 375 dokumen reka bentuk telah dikemukakan untuk dikaji.

Dengan reka bentuk konsep yang telah siap, kontraktor pakej kerja telah memulakan peringkat reka bentuk seterusnya iaitu penyediaan reka bentuk awal sebelum reka bentuk akhir bagi kerja-kerja sistem dibuat.

Pada akhir tempoh kewangan, keseluruhan kerja sistem mekanikal & elektrik telah mencapai tahap 8.6% siap, berbanding dengan program iaitu 4.3%. Ini bermakna kemajuan adalah lebih awal daripada dijadualkan.

“SEBANYAK 2,400 DARIPADA 16,500 GEGLANG TEROWONG TELAH DIHASILKAN DAN INI MENCUKUPI SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK KERJA-KERJA TEROWONG YANG DIJANGKA BERMULA PADA SUKU PERTAMA 2018”

PEROLEHAN

Pada akhir tempoh laporan, sebanyak 37 daripada 67 pakej kerja telah berjaya dianugerahkan. Sebanyak 14 pakej kerja bernilai RM5.9 bilion telah dianugerahkan dalam tempoh tahun kewangan.

Ringkasan status perolehan dipaparkan dalam Jadual 1.

Dengan penganugerahan tersebut, semua pakej kerja awalan, pakej kerja jejambat, pakej kerja bawah tanah dan pakej kerja sistem mekanikal & elektrik telah dianugerahkan.

Senarai lengkap pakej kerja yang telah dianugerahkan pada 30 September boleh didapati di bahagian lampiran laporan ini.

Semasa tempoh laporan, sebanyak 26 mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehati telah diadakan untuk mempertimbangkan dan seterusnya meluluskan penganugerahan tender Laluan SSP. Jadual 2 memaparkan ringkasan mesyuarat yang bersidang.

JADUAL 1: STATUS PEROLEHAN BAGI LALUAN SSP

No	Kategori Pakej Kerja	Pakej kerja yang dianugerahkan antara 1 Oktober 2016 dan 30 September 2017	Pakej kerja yang dianugerahkan sehingga 30 September 2017
1	Kerja-Kerja Awalan: i. Bertingkat ii. Bawah Tanah	- - -	3 5 -
2	Kerja Bawah Tanah	-	1
3	Peningkatan Salinghubungan	-	-
4	Sivil & Infrastruktur: i. Jejambat ii. Depoh iii. Tempat Letak Kereta Bertingkat iv. Stesen	6 1 - 6	10 2 - 6
5	Kerja Sistem	-	7
6	Pembekal yang Ditetapkan	-	2
7	Kontraktor yang Ditetapkan	1	1
JUMLAH		14	37

JADUAL 2: MESYUARAT PROSES PEROLEHAN LALUAN SSP

No	Jenis Mesyuarat	Mesyuarat yang telah diadakan antara 1 Oktober 2016 dan 30 September 2017	Mesyuarat yang telah diadakan sehingga 30 September 2017
1	Jawatankuasa Kerja	32	87
2	Jawatankuasa Teknikal Sehati (OSTC)	13	39
3	Jumlah Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehati (OSPC)	8	26
	OSPC III	-	5
	OSPC II	3	9
	OSPC I	5	12

TANAH

PENGAMBILAN TANAH

Proses pengambilan tanah bagi Laluan SSP telah bermula pada Julai 2015 dengan pewartaan lot-lot tanah yang mungkin diperlukan di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960. Ini diikuti dengan pewartaan lot-lot tanah bagi pengambilan tanah secara wajib di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 pada September 2015.

Pada akhir September 2017, proses pengambilan tanah di Selangor sudah selesai.

Bagi Kuala Lumpur, 181 dari 300 lot tanah telah diberi Borang K berikutan selesainya proses pengambilan dan bayaran pampasan sepenuhnya. Perbicaraan tanah bagi baki lot tanah masih berjalan.

Terdapat pengurangan bilangan lot yang akan diambil dari tahun kewangan sebelumnya disebabkan perubahan dalam keperluan projek dan juga termeterainya perjanjian persetujuan bersama bagi membolehkan kewujudan bersama.

Pada akhir tempoh laporan, jumlah pampasan yang dikeluarkan ialah RM4.3 Bilion.

PERSETUJUAN BERSAMA

Berdasarkan pengalaman yang diperolehi daripada Laluan SBK, perjanjian persetujuan bersama juga digunakan sebagai mekanisma kewujudan bersama bagi Laluan SSP.

Mekanisma ini membolehkan beberapa pemilik tanah di mana pada asalnya, tanah akan diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, untuk terus memiliki tanah tersebut tertakluk kepada hak milik tanah mereka menggambarkan kehadiran struktur MRT.

Bagi Laluan SSP, enam pemilik tanah telah menandatangani Perjanjian Persetujuan Bersama. Rundingan sedang dijalankan bersama pemilik tanah yang lain, di mana ada antara pemilik tanah yang telah memberikan akses kepada MRT Corp untuk membolehkan kerja pembinaan Laluan SSP di tanah masing-masing dilaksanakan.

Pada akhir tempoh laporan, terdapat satu kes semakan kehakiman untuk Laluan SSP yang melibatkan rayuan oleh pemilik tanah terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah memihak kepada MRT Corp. MRT Corp juga telah dinamakan dalam beberapa saman sivil di mana MRT Corp didakwa melanggar kontrak, melakukan salah laku dan menjalankan pengambilan tanah.

KUARTERS PEKERJA MRT

Konsep Kuarters Pekerja MRT diperkenalkan oleh MRT Corp dengan harapan dapat mewujudkan piawaian baharu dari segi perumahan untuk pekerja dalam industri pembinaan.

Diperkenalkan bagi pembinaan Laluan SBK, Kuarters Pekerja MRT menyediakan sebuah persekitaran yang bersih, selesa, selamat bagi penempatan pekerja tempatan dan asing.

Semasa tempoh laporan, empat Kuarters Pekerja MRT – tiga di Sungai Buloh dan satu di Cochrane - yang sebelum ini digunakan untuk Laluan SBK telah dibaik pulih dan didiami oleh pekerja Laluan SSP pada Januari 2017.

Di Serdang, pembinaan sedang dijalankan untuk tujuh Kuarters Pekerja MRT yang baharu, dengan pilihan untuk membina dua lagi Kuarters Pekerja MRT sekiranya diperlukan. Kuarters Pekerja MRT di tapak ini akan menempatkan pekerja yang bekerja di bahagian selatan Laluan SSP. Setiap Kuarters Pekerja MRT boleh menampung kira-kira 600 orang.

Kuarters Pekerja MRT Laluan SSP mempunyai beberapa ciri-ciri yang telah ditambah baik dari kuarters yang digunakan semasa Laluan SBK. Sebagai contoh, bilangan penghuni yang mendiami sebuah kabin telah dikurangkan dari lapan ke enam orang, sekali gus memberikan lebih banyak ruang untuk penghuni.

Selain dijadikan tempat tinggal, Kuarters Pekerja MRT juga menyediakan kemudahan untuk memasak dan makan, surau, kios, bilik kecemasan, gelanggang futsal dan kemudahan rekreasi lain. Pengangkutan percuma juga disediakan kepada para pekerja untuk bergerak ke tempat kerja masing-masing.

Kemudahan ini mematuhi Garis Panduan Jabatan Pekerja dan MS 2593.

Semasa tempoh laporan, beberapa aktiviti dan acara telah dijalankan di Kuarters Pekerja MRT seperti lawatan oleh wakil Kedutaan Indonesia dan Suruhanjaya Tinggi Bangladesh pada 27 Mac 2017 dan lawatan oleh delegasi dari Perbadanan Putrajaya pada 9 Jun 2017.

Seminar Kuarters Pekerja dan Tempat Tinggal Pekerja juga telah dianjurkan oleh MRT Corp pada 7 September 2017.



“KUARTERS PEKERJA MRT MENYEDIAKAN SEBUAH PERSEKITARAN YANG BERSIH, SELESA, SELAMAT BAGI PENEMPATAN PEKERJA TEMPATAN DAN ASING”



PENYERTAAN BUMIPUTERA

Program Penyertaan Bumiputera MRT Corp untuk Laluan SSP telah dilaksanakan berlandaskan kejayaan program bagi Laluan SBK. Sasaran penyertaan syarikat Bumiputera dalam pembinaan Laluan SSP ialah 45% jumlah nilai kontrak yang telah dianugerahkan, meningkat dari 43% untuk Laluan SBK.

Pada akhir tempoh laporan, jumlah pakej kerja bernilai RM14 bilion telah dianugerahkan kepada syarikat Bumiputera. Pecahan kategori pakej kerja ialah seperti di Jadual 3.

Di samping itu, inisiatif untuk melibatkan Kontraktor Bumiputera Gred G1 sehingga G6 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam pembinaan Laluan SSP telah menyaksikan peningkatan peruntukan subkontrak untuk syarikat-syarikat tersebut.

Untuk kerja bertingkat, subkontrak bernilai RM300 juta telah diperuntukkan untuk syarikat Bumiputera Gred G1 sehingga G6. Untuk kerja bawah tanah, subkontrak bernilai RM300 juta telah diperuntukkan bagi Syarikat Bumiputera Gred G1 sehingga G6.

Semasa tempoh laporan, kontraktor Bumiputera Gred G1 sehingga G4 telah dianugerahkan melalui pengundian subkontrak bernilai sebanyak RM8.3 juta. Ini terdiri daripada 17 subkontrak dengan jumlah nilai RM6.5 juta untuk kerja bawah tanah dan tujuh subkontrak bernilai RM1.8 juta untuk kerja bertingkat.

Bagi syarikat Bumiputera Gred G5 pula, lima subkontrak dengan jumlah nilai RM29.4 juta telah dianugerahkan sementara bagi syarikat Bumiputera Gred G6, dua subkontrak dengan jumlah nilai RM16.5 juta telah dianugerahkan. Semua subkontrak adalah bagi kerja bertingkat.

JADUAL 3: PENYERTAAN BUMIPUTERA BAGI LALUAN SSP

No	Kategori Pakej Kerja	Penganugerahan Pakej Kerja sehingga 30 September 2017		Penganugerahan kepada Bumiputera sehingga 30 September 2017	
		Bil	RM (Juta)	Bil	RM (Juta)
1	Kerja-Kerja Awalan	8	374.4	5	164.1
2	Kerja-Kerja Bawah Tanah ¹	1	15,470.0	-	7,735.0
3	Kerja-Kerja Sivil Bertingkat				
	i. Jejambat	10	9,430.5	4	3,482.2
	ii. Stesen	9	2,044.1	6	1,290.1
	iii. Pembekal yang Ditetapkan	2	369.0	1	170.0
	iv. Kontraktor yang Ditetapkan	6	503.3	2	88.1
4	Depoh	2	437.7	2	437.7
5	Tempat Letak Kereta Bertingkat	-	-	-	-
6	Kerja-Kerja Sistem ²	7	4,643.0	-	1,822.0
	Sub-Total Nilai Kontrak	45	33,272	20.0	15,189.2
	Pelarasan untuk jumlah kos perdana ³	-	(2,668)	-	(1,272.5)
	JUMLAH	45	30,604	20.0	13,916.7

Nota

¹ Kontraktor Kerja-Kerja Bawah Tanah adalah syarikat usahasama dengan penyertaan 50% Bumiputera (MMC Corporation Bhd) dan 50% bukan Bumiputera (Gamuda Bhd).

² Pakej Kerja Sistem merangkumi sekurang-kurangnya 35% penyertaan Bumiputera. Beberapa pakej kerja yang dianugerahkan telah melebihi keperluan ini.

³ Pelarasan nilai kos perdana dikenakan kepada semua Pakej Kerja Jejambat dan Bawah Tanah.

PROGRAM USAHAWAN MUDA MRT KEDUA

Berikutan kejayaan Program Usahawan Muda MRT Pertama (MYEP I), Program Usahawan Muda MRT Kedua (MYEP II) telah dilaksanakan bagi Laluan SSP. Program ini dijalankan dalam kerjasama strategik dengan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan CIDB.

Program latihan 12 bulan yang lebih teratur dan mantap telah dirangka bagi MYEP II yang meliputi latihan industri pembinaan profesional yang intensif selama enam bulan yang dianjurkan oleh CIDB; latihan pengurusan, keusahawanan dan motivasi tiga bulan yang dianjurkan oleh PUNB dan latihan di tapak selama tiga bulan di bawah naungan MRT Corp dan PDP.

Seramai 60 calon telah dipilih untuk menyertai MYEP II dan mereka akan diberi 50 subkontrak setelah menamatkan program.

Semasa tempoh laporan, 52 calon telah menamatkan program latihan mereka dan berjaya menubuhkan 24 syarikat bertahap Gred 2. Syarikat-syarikat ini akan menerima bantuan dan sokongan dan prestasi mereka akan dipantau secara berterusan di bawah program tersebut.



PROGRAM KERJASAMA INDUSTRI

Sepertimana dengan Laluan SBK, Program Kerjasama Industri juga dilaksanakan untuk Laluan SSP.

Program tersebut kini berada di peringkat pra-pelaksanaan di mana sebanyak 18 Kontraktor Pakej Kerja yang terlibat dalam pembinaan Laluan SSP akan mencadangkan inisiatif Program Kerjasama Industri yang akan dipersetujui dengan MRT Corp sebelum perjanjian Program Kerjasama Industri ditandatangani.

Program Kerjasama Industri Laluan SSP dijangka akan tamat pada tahun 2022. Apabila siap, program ini dijangka akan menyumbang sebanyak RM6.98 bilion dalam Nilai Kredit Program Kerjasama Industri kepada ekonomi Malaysia.



KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR

Inisiatif keselamatan, kesihatan dan alam sekitar sentiasa memainkan peranan penting dalam pembinaan Projek KVMRT. Oleh kerana projek dibina di kawasan bandar, amat penting bagi semua orang yang terlibat dengan projek ini untuk memahami keperluan untuk menjadikan tapak projek tempat yang selamat untuk bekerja.

Bagi mencapai objektif ini, MRT Corp telah bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Institut Kebangsaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) dalam membangunkan Garis Panduan Keselamatan Berlandaskan Tingkah Laku dalam Pembinaan. Ini untuk memastikan pekerja mengamalkan tingkah laku yang selamat.

MRT Corp telah menganjurkan Persidangan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan MRT 2017 pada 26 dan 27 April 2017. Persidangan ini bertujuan mendidik warga kerja MRT Corp, PDP dan Kontraktor Pakej Kerja tentang langkah-langkah keselamatan dan kesihatan dalam industri pembinaan. Persidangan ini dilancarkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tuan Haji Omar Mat Piah.

Pertandingan fotografi dengan tema Amalan Terbaik di Projek KVMRT telah dianjurkan sebagai sebahagian daripada persidangan tersebut, di mana gambar-gambar peserta perlu menunjukkan amalan keselamatan yang terbaik di tapak kerja. Pertandingan tersebut telah dibuka kepada Kontraktor Pakej Kerja antara 10 April 2017 dan 21 April 2017. Gambar-gambar peserta telah dimuat naik ke platform media sosial MRT Corp dan pemenang dipilih berdasarkan jumlah sukaan yang diterima.

Satu Latihan Kesedaran Keselamatan Jalan Raya telah dianjurkan oleh MRT Corp untuk memberi peringatan kepada warga kerja tentang keselamatan di jalan raya, dengan ceramah oleh penceramah dari Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia. Di penghujung majlis tersebut, peserta telah diberikan jaket keselamatan.

Satu pertandingan Slogan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dibuka kepada warga kerja MRT Corp juga telah diadakan sempena sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia.

Dari segi alam sekitar, MRT Corp dengan kerjasama PDP akan menganjurkan MRT Treasure Hunt 2017 pada Oktober 2017.

MRT Corp juga akan menganjurkan Persidangan Pengurusan Alam Sekitar pada Disember 2017 dengan tema Penghijauan Kuala Lumpur dengan MRT.



PERHUBUNGAN PIHAK BERKEPENTINGAN DAN AWAM

PERHUBUNGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Memandangkan pembinaan Laluan SSP sedang giat dijalankan, isu-isu yang berkaitan dengan pihak berkepentingan sepertimana yang dialami semasa pembinaan Laluan SBK kini disuarakan oleh pihak-pihak yang terjejas. Antaranya ialah isu bunyi bising, kesesakan jalan raya, pengambilan tanah dan lencongan trafik.

Terdapat juga pertanyaan tentang perkhidmatan tren akan datang seperti tambang, jadual, kadar kekerapan, kemudahan tempat letak kereta dan kemudahan bagi orang yang mempunyai keperluan khas.

Semasa tempoh laporan, lebih 100 sesi perjumpaan telah dianjurkan oleh MRT Corp bersama dengan PDP. Sesi perjumpaan ini merupakan platform penting untuk kedua-dua MRT Corp dan pihak berkepentingan untuk menangani isu-isu dan pada masa yang sama menjalin hubungan yang baik antara kedua-dua pihak tersebut.



ACARA DAN AKTIVITI

Semasa tempoh laporan, MRT Corp telah menganjurkan lawatan dengan wakil dari Suruhanjaya Tinggi Bangladesh dan Kedutaan Indonesia ke Kuarters Pekerja yang telah dibaikpulih bagi pekerja Laluan SSP pada 26 April 2017.

Semasa lawatan tersebut, Atase Pekerja Suruhanjaya Tinggi Bangladesh Encik Sayedul Islam dan Atase Pengangkutan Kedutaan Indonesia Encik Mochamad Abduh telah melihat dengan mata sendiri kemudahan yang disediakan di Kuarters Pekerja untuk pekerja-pekerja. Mereka juga telah mengambil peluang untuk menemuramah rakyat dari negara asal mereka tentang kehidupan mereka semasa bekerja di Malaysia.

Pihak media turut dijemput untuk membuat liputan lawatan itu.

MRT Corp juga menganjurkan beberapa seminar dan persidangan, termasuk Persidangan Pengurusan Alam Sekitar 2016 pada 4 Oktober 2016 sempena Hari Alam Sekitar Dunia, dan Persidangan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan MRT 2017 pada 27 dan 28 April 2017.

Selain menganjurkan persidangan, MRT Corp juga telah mengambil bahagian dalam beberapa pameran yang diadakan sempena persidangan, seminar dan acara besar seperti Pameran dan Seminar ITS 2017, acara Memacu Agenda Bumiputera 2017, MAPEX 2017 dan Program Negeraku@Komuniti Peringkat Wilayah Persekutuan. MRT Corp juga menerima kunjungan daripada pelbagai kumpulan termasuk pegawai Kerajaan dari Malaysia dan luar negara, pengurus dana, pelajar Malaysia dan luar negara dan juga pertubuhan bukan kerajaan.

Beberapa aktiviti tanggung jawab sosial berasaskan komuniti dan korporat juga dianjurkan oleh MRT Corp semasa tempoh laporan. Ini termasuk Kempen Derma Darah MRT pada Mei 2017 dan Program Hari Ceria Bersama MRT Corp di mana kanak-kanak dari sekolah tadika yang terletak di sepanjang Laluan SSP telah mengambil bahagian dalam aktiviti seperti pertandingan mewarna, pertandingan menyelesaikan susun atur gambar dan kuiz. Aktiviti tersebut telah diadakan di Pusat Informasi MRT pada 19 dan 26 September 2017.

KOMUNIKASI DIGITAL

Aset-aset digital MRT Corp terus digunakan untuk menyokong strategi komunikasi dan aktiviti syarikat melalui perkongsian berita dan kemajuan terkini mengenai pembinaan Laluan SSP.

Semasa tempoh laporan, saluran media sosial telah digunakan untuk kempen-kempen seperti Undian Facebook Pertandingan Fotografi Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia 2017 dan video #PeopleOfMRT di mana warga kerja MRT Corp menceritakan peranan mereka di dalam projek.

Laman web telah memperoleh laman yang baru iaitu "Notis" yang memberi maklumat kepada orang awam mengenai aktiviti pembinaan Laluan SSP.

Semasa tempoh laporan, laman Facebook *MRTMalaysia* berjaya mendapat 51,000 pengikut dan sukaan, sementara @MRTMalaysia, akaun Twitter MRT Corp yang telah disahkan, telah berjaya memperoleh 25,000 pengikut.

Instagram memberi MRT Corp peluang untuk menjalin hubungan dengan 12,000 pengikutnya di akaun *MRTMalaysia*. Bagi YouTube pula, terdapat 3,800 pelanggan dengan 11,000 pelawat baru ke saluran *MRTMalaysia*.

Laman web MRT Corp *www.mymrt.com.my* merupakan platform lain yang digunakan untuk komunikasi digital di mana 450,000 pelawat baru telah mengunjungi laman web tersebut semasa tempoh laporan.




HAB INFORMASI MRT

Pusat Informasi MRT

Terdapat dua Pusat Informasi MRT yang terletak di Jalan Sultan Azlan Shah (sebelum ini dikenali sebagai Jalan Ipoh) dan Seri Kembangan.

Selain daripada papan informasi mengenai Laluan SSP, Pusat Informasi MRT juga dilengkapi dengan aplikasi interaktif Hawkeye yang memaparkan pandangan 360 darjah keseluruhan Laluan SSP sepanjang 52.2km. Pusat Informasi MRT juga mempunyai risalah dan borang maklum balas.

Semasa tempoh laporan, sebanyak 5,199 orang telah melawat kedua-dua Pusat Informasi MRT.




Kios Informasi MRT

Kios Informasi MRT didirikan di lokasi seperti pusat membeli-belah, stesen Laluan SBK, agensi kerajaan dan pusat aktiviti lain yang berada dalam jarak 10km Laluan SSP. Kios tersebut akan dibuka selama dua bulan di setiap tempat.

Kios Informasi MRT terdiri daripada gerai mudah alih dengan papan informasi dan skrin televisyen. Seperti di Pusat Informasi MRT, Kios Informasi MRT juga mempunyai aplikasi interaktif Hawkeye.

Semasa tempoh laporan, Kios Informasi MRT telah menerima 23,390 orang pelawat.




Trak Informasi MRT

Trak Informasi MRT adalah pusat informasi bergerak yang membolehkan orang ramai mendapat informasi mengenai Projek KVMRT dengan mudah. Trak mempunyai papan informasi dengan butiran dan informasi tentang projek, aplikasi interaktif Hawkeye, risalah dan video projek.

Trak Informasi MRT ditempatkan di pusat membeli-belah, pejabat, masjid, sekolah dan kolej, acara-acara komuniti dan juga galeri jualan hartanah yang berada dalam jarak 10km dari Laluan SSP.


Trak telah menerima sambutan yang baik daripada orang ramai di mana 28,698 orang telah singgah di trak dalam tempoh tahun kewangan.



Talian Hotline MRT

Talian Hotline MRT yang berfungsi 24 jam dengan nombor 1-800-82-6868 telah berfungsi sejak Disember 2011 bagi Laluan SBK. Kini, talian tersebut berfungsi untuk memenuhi keperluan Laluan SSP.

Semasa tempoh laporan, talian hotline telah menerima 502 panggilan yang berkaitan dengan Laluan SSP.





KOMERSIAL

KOMERSIAL


Bahagian Komersial MRT Corp mengurus semua aktiviti penjaan pendapatan yang dijalankan oleh organisasi tersebut. Ini termasuk pengiklanan, telekomunikasi komersial, sewaan ruang niaga, kemudahan tempat letak kereta, sewaan ruang acara, penggambaran, fotografi, teknologi baru dan pembangunan hartanah.

Aktiviti-aktiviti tersebut selaras dengan Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT yang telah ditandatangani oleh MRT Corp dengan Prasarana Malaysia Berhad di mana MRT Corp menerima semua pendapatan bukan tambang yang dijana daripada Laluan SBK, sementara Prasarana pula akan menerima semua pendapatan tambang daripada tren dan bas.

Jumlah pendapatan bukan tambang bagi tempoh laporan berjumlah RM 16.4 juta.

Ringkasan segmen pendapatan bukan tambang dipaparkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4: RINGKASAN SEGMENT PENDAPATAN BUKAN TAMBANG



PENGIKLANAN

Pengiklanan merupakan sumber pendapatan utama bagi MRT Corp yang menyumbang 73% daripada semua pendapatan organisasi semasa tempoh laporan.

Pengiklanan dibahagikan kepada 4 pakej yang berlainan iaitu Pakej Stesen Bahagian Dalam, Pakej Pengiklanan Tren, Pakej Stesen Bahagian Luar dan Hak Penamaan Stesen. Pemegang konsesi Pakej Stesen Bahagian Dalam dan Pakej Pengiklanan Tren ialah Titanium Compass Sdn Bhd, sementara pemegang konsesi Pakej Stesen Bahagian Luar ialah Konsortium Big Tree Seni Jaya.

MRT Corp melaksanakan Program Hak Penamaan Stesen secara langsung.

Semasa tempoh laporan, kedua-dua Titanium Compass dan Big Tree Seni Jaya telah mula melaksanakan kempen pengiklanan dengan pelanggan masing-masing.

Untuk pengiklanan stesen bahagian dalam dan pengiklanan tren, bahan yang digunakan termasuk pelekat dan tarpaulin yang digunakan sebagai balutan tiang, kekotak lampu, dinding, lantai, siling, skrin platform, pelepar dan juga balutan tren. Untuk pengiklanan bahagian luar pula, format yang digunakan termasuk kekotak lampu yang dipasang pada tiang-tiang, kekotak gantri yang merentangi tiang portal, balutan tiang dan balutan tiang digital.

Untuk Hak Penamaan Stesen, MRT Corp telah mengumumkan pada 11 Julai 2017 bahawa empat pemegang lesen telah dipilih untuk program tersebut. Mereka ialah:

- Pavilion Kuala Lumpur untuk Stesen Bukit Bintang
- Pavilion Damansara Heights untuk Stesen Pusat Bandar Damansara
- Manulife untuk Stesen Semantan
- AEON untuk Stesen Maluri

Program tersebut membolehkan logo pemegang lesen atau penjenamaan produk dikaitkan dengan sesuatu stesen.

Tempoh pelesenan untuk setiap stesen adalah dari tiga tahun hingga maksimum 10 tahun. Pemegang lesen yang berjaya dipilih berdasarkan tawaran tertinggi di mana bayaran pelesenan stesen bermula dari RM1.5 juta setahun untuk sekurang-kurangnya tiga tahun atau RM1.2 juta setahun untuk tempoh minimum lima tahun.

Seterusnya, sempena pelancaran skrin digital oleh Pemegang Konsesi pada tahun 2018, fokus utama akan beralih kepada pengiklanan digital dan juga pengiklanan yang menggunakan platform digital lain. Aktiviti pengiklanan akan diperluaskan ke bas perantara MRT Corp dan bangunan tempat letak kereta bertingkat. Fasa kedua Program Hak Penamaan Stesen juga akan dilaksanakan pada tahun 2018.

TELEKOMUNIKASI KOMERSIAL

Kebolehan untuk terus dihubungi kini amat penting dalam kehidupan setiap orang. Justeru, MRT Corp telah mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi memastikan ketersediaan komunikasi berterusan di sepanjang jajaran MRT, terutama di bahagian bawah tanah.

MRT Corp telah berjaya mencapai satu penanda aras dengan menyediakan liputan rangkaian komunikasi sepenuhnya menjelang pelancaran Laluan SBK. Dengan infrastruktur yang dipasang untuk membolehkan liputan ini, peluang baru telah muncul bagi MRT Corp untuk menjana pendapatan daripada aset-aset ini. Unit Telekomunikasi Komersial telah ditugaskan untuk merealisasikan peluang-peluang ini.

Semasa tempoh laporan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mengaudit pemasangan infrastruktur telekomunikasi komersial MRT Corp. Ini telah dijalankan sebagai sebahagian daripada proses pengeluaran Lesen Individu Penyedia Kemudahan Rangkaian kepada MRT Corp.

Selain itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah memberikan sijil pematuhan Perlindungan Data Peribadi kepada MRT Corp selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Semasa tempoh laporan, MRT Corp telah melantik Pengendali Pihak Ketiga sebagai rakan kongsi yang akan mengawasi pengkomersialan infrastruktur Telekomunikasi Komersial MRT Corp untuk Laluan SBK. Infrastruktur ini juga akan membolehkan liputan dalam bangunan, komunikasi gentian optik dan Wifi awam yang akan dilancarkan pada masa akan datang, serta persediaan untuk teknologi telekomunikasi baharu pada masa akan datang.

Telekomunikasi komersial dijangka akan menjadi penyumbang pendapatan penting kepada MRT Corp.

RUANG NIAGA

Walaupun fungsi utama stesen MRT ialah untuk membolehkan penumpang menaiki dan turun dari tren secepat mungkin, wujudnya kedai-kedai di stesen-stesen yang dapat memenuhi keperluan pengguna tren telah menjadi perkara yang biasa di seluruh dunia.

Dengan pembukaan Laluan SBK, kedai-kedai di stesen sepanjang bahagian bertingkat utara dan selatan telah mula beroperasi. Kedai-kedai ini, yang luasnya sekitar 20 meter persegi, telah ditenderkan pada tahun kewangan sebelumnya.

Pada akhir tempoh laporan, sebanyak 34 kedai telah dibuka. Kedai-kedai ini dikendalikan oleh 14 buah syarikat, dengan perniagaan kedai serbaneka sebagai perniagaan yang paling popular.

Semasa tempoh laporan, Bahagian Komersial telah meninjau peluang untuk menyewa keluar ruang niaga di stesen-stesen bawah tanah. Disebabkan oleh kekangan teknikal, hanya tiga stesen bawah tanah akan mempunyai ruang niaga iaitu Stesen Bukit Bintang, Stesen Muzium Negara dan Stesen Tun Razak Exchange.

Oleh kerana lot niaga di stesen bawah tanah terletak di pusat bandar Kuala Lumpur, piawaian dan kriteria untuk bidaan telah diperketatkan, dengan harapan untuk mendapat jenama antarabangsa dengan konsep berniaga 'grab and go' untuk memenuhi keperluan pengguna.



KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA

MRT Corp memiliki lima tempat letak kereta bertingkat dan tiga tempat letak kereta atas tanah yang telah dibuka pada masa yang sama dengan pembukaan Laluan SBK. Bangunan tempat letak kereta bertingkat terletak bersebelahan stesen Sungai Buloh, Phileo Damansara, Taman Midah, Bukit Dukung dan Sungai Jernih sementara kemudahan tempat letak kereta atas tanah terletak bersebelahan stesen Maluri, Bandar Tun Hussein Onn dan Taman Suntex.

Semasa tempoh laporan, MRT Corp berjaya melantik pengendali bagi kesemua tempat letak kereta secara tender. Ringkasan lokasi tempat letak kereta, bilangan petak dan pengendali adalah seperti di dalam Jadual 5.

JADUAL 5: KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA

No	Nama Tempat Letak Kereta	Pengendali	Bilangan Petak Letak Kereta
1	Sungai Buloh	Metro Parking (M) Sdn Bhd	1,499
2	Phileo Damansara	Metro Parking (M) Sdn Bhd	725
3	Maluri	Metro Parking (M) Sdn Bhd	303
4	Taman Midah	Operasi Jitu Sdn Bhd	1,644
5	Taman Suntex	Metro Parking (M) Sdn Bhd	112
6	Bandar Tun Hussein Onn	Metro Parking (M) Sdn Bhd	313
7	Bukit Dukung	Operasi Jitu Sdn Bhd	466
8	Sungai Jernih	Operasi Jitu Sdn Bhd	915

ACARA, PERFILEMAN, FOTOGRAFI DAN TEKNOLOGI BARU

Satu lagi sumber pendapatan bagi MRT Corp ialah daripada acara, perfileman dan fotografi di mana peranan Bahagian Komersial ialah untuk mengurus dan menyewa ruang kepada pelanggan pihak ketiga untuk aktiviti, acara dan aktiviti promosi, rakaman video dan penggambaran di stesen dan tren MRT.

Aktiviti-aktiviti tersebut boleh juga melibatkan bas perantara MRT, di mana penganjur pihak ketiga boleh menyewa bas untuk perfileman dan fotografi atau untuk acara.

Semasa tempoh laporan, sekitar 30 acara dan aktiviti perfileman telah diadakan di stesen dan tren MRT. Pihak yang pernah mengadakan acara termasuk kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan, pemaju hartanah dan organisasi lain.

Aktiviti perfileman termasuk penggambaran filem ringkas, klip video dan program televisyen, sementara satu penggambaran fesyen juga telah diadakan di stesen dan di dalam tren.

Bagi teknologi baru, semasa tempoh laporan, Bahagian Komersial telah memberi tumpuan kepada aktiviti meneroka dan mengenalpasti bidang-bidang utama yang akan dilaksanakan pada tahun 2018.

HARTANAH

Jabatan Hartanah MRT Corp telah ditubuhkan untuk mempromosikan Pembangunan Berorientasikan Transit di stesen dan di persekitaran stesen sepanjang laluan MRT. Ini termasuk pembangunan di atas dan di kawasan persekitaran stesen dan kemudahan tempat letak kenderaan.

Potensi bagi Pembangunan Berorientasikan Transit termasuk projek pembangunan berintegrasi, pangsapuri bertingkat tinggi, kompleks niaga dan juga taman. Semasa tempoh laporan, sebuah Jawatankuasa Pelaburan telah dibentuk untuk menilai dan menaksir aktiviti komersial termasuk Pembangunan Berorientasikan Transit di sepanjang laluan MRT.

Sebuah Jawatankuasa Pembangunan Berorientasikan Transit juga telah dibentuk semasa tahun kewangan. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil semua agensi Kerajaan dan pihak berkuasa yang berkaitan. Platform ini diwujudkan untuk memudahkan dan menyelaras pelaksanaan lancar bagi projek Pembangunan Berorientasikan Transit. Mesyuarat pertama jawatankuasa ini dijangka akan diadakan pada bulan Disember 2017.

Jabatan Hartanah telah diberi kelulusan semasa tempoh laporan oleh Jawatankuasa Pelaburan dan Ahli Lembaga Pengarah MRT Corp untuk menerima dan melaksanakan Pelan Induk Bandar Raya MRT dan Pelan Perniagaan untuk Pembangunan Berorientasikan Transit di sepanjang Laluan SBK dan Laluan SSP.





LAPORAN KEWANGAN

LAPORAN KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 30 SEPTEMBER 2017

Nilai dalam RM'000

	2017	2016
Aset		
Hartanah, Loji dan Peralatan	3,841,983	20,181,393
Jumlah Aset Bukan Semasa (A)	3,841,983	20,181,393
Aset Cukai Semasa	1,048	1,286
Nilai Lain-Lain yang Belum Diterima dan Prabayaran	1,852,933	1,274,510
Tunai dan Kesetaraan Tunai (B)	444,266	759,253
Jumlah Aset Semasa	2,298,247	2,035,049
Jumlah Aset (A+B)	6,140,230	22,216,442
Ekuiti		
Modal Saham	415,000	275,000
Sumbangan daripada Kerajaan Malaysia	27,607,203	20,847,203
Kerugian Terkumpul	(25,342,123)	(32,280)
Ekuiti untuk Pemegang-Pemegang Syarikat (C)	2,680,080	21,089,923
Liabiliti		
Lain-Lain Pemiutang	3,460,150	1,126,519
Jumlah Liabiliti Semasa	3,460,150	1,126,519
Jumlah Liabiliti (D)	3,460,150	1,126,519
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti (C+D)	6,140,230	22,216,442

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN UNTUK TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2017

Nilai dalam RM'000

	2017	2016
Pendapatan Lain	14,391	2,748
Perbelanjaan Pentadbiran	(69,941)	(53,375)
Kerugian Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	(24,994,554)	-
Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan	(301,305)	-
Pendapatan Kewangan	41,301	39,969
Kos Kewangan	(15)	(11)
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	25,310,123	(10,669)
Perbelanjaan Cukai	280	4,372
Keuntungan/(Kerugian) dan Jumlah Pendapatan Komprehensif/(Perbelanjaan) Tahunan	(25,309,843)	(6,297)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI UNTUK TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2017

Nilai dalam RM'000

	MODAL SAHAM	SUMBANGAN	KERUGIAN TERKUMPUL	JUMLAH
Pada 1 Oktober 2015	175,000	15,042,203	(25,983)	15,191,220
Terbitan Saham Biasa	100,000	(100,000)	-	-
Sumbangan daripada Kerajaan Malaysia	-	5,905,000	-	5,905,000
Keuntungan dan Jumlah Pendapatan Komprehensif Tahunan	-	-	(6,297)	(6,297)
Pada 30 September 2016/1 Oktober 2016	275,000	20,847,203	(32,280)	21,089,923
Penerbitan Saham Biasa	140,000	(140,000)	-	-
Sumbangan daripada Kerajaan Malaysia	-	6,900,000	-	6,900,000
Kerugian dan Jumlah Kerugian Komprehensif Tahunan	-	-	(25,309,843)	(25,309,843)
Pada 30 September 2017	415,000	27,607,203	(25,342,123)	2,680,080

PENYATA ALIRAN TUNAI UNTUK TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2017

Nilai dalam RM'000

	2017	2016
Aliran Tunai dari Aktiviti Operasi		
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	(25,310,123)	(10,669)
Pelarasan untuk:		
Susutan Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	5,955	6,363
Hartanah, Loji dan Peralatan yang Dihapuskan	301,305	-
Kerugian untuk Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	-	213
Pendapatan Kewangan	(41,301)	(39,969)
Kos Kewangan	15	11
Kerugian Operasi Sebelum Pertukaran Modal Kerja	(49,595)	(44,051)
Pertukaran dalam Modal Kerja:		
Lain Nilai yang Belum Diterima dan Prabayaran	(269,866)	(338,338)
Lain Bayaran yang Belum Dilakukan	(8,568)	32,201
Wang yang Digunakan untuk Operasi	(328,029)	(350,188)
Faedah Dibayar	(15)	(11)
Cukai Dibayar	(482)	(566)
Tunai Bersih yang Digunakan untuk Aktiviti-Aktiviti Operasi (A)	(327,526)	(350,765)
Aliran Tunai dari Aktiviti Pelaburan		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(6,929,248)	(5,593,144)
Perolehan untuk Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	-	20
Faedah Diterima	41,787	40,906
Tunai Bersih yang Digunakan untuk Aktiviti-Aktiviti Pelaburan (B)	(6,887,461)	(5,552,218)
Aliran Tunai dari Aktiviti Pembiayaan		
Sumbangan daripada Kerajaan Malaysia	6,900,000	5,905,000
Tunai Bersih yang Digunakan untuk Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan (C)	6,900,000	5,905,000
Peningkatan/(Penurunan) Bersih Tunai dan Nilai Kesetaraan Tunai (A+B+C)	(314,987)	2,017
Tunai dan Nilai Kesetaraan Tunai di Permulaan Tahunan	759,253	757,236
Tunai dan Nilai Kesetaraan Tunai pada Akhir Tahun	444,266	759,253





**PAKEJ KERJA YANG
DIANUGERAHKAN**

PAKEJ KERJA YANG DIANUGERAHKAN

Butir-Butir Pakej Kerja yang Dianugerahkan bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang

No	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
Kerja Awalan				
1	AW1-Pakej A Kajian Keusangan untuk Syaf Pelancaran Semantan dan Cochrane	Cunningham Lindsey Adjusters (M) Sdn Bhd	2-Mac-2011	0.04
2	AW2- Pakej C1 Pembinaan dan Penyiapan Platform Bekerja termasuk Kerja Tanah, Jalan Masuk, Kerja-Kerja Saliran, Pencawang TNB, Tembok Penahan, Perlindungan Utiliti dan Kerja Sampingan untuk Syaf Pelancaran Semantan	Menta Construction Sdn Bhd	3-Jun-2011	12.26
3	AW3 - Pakej C2 Pembinaan dan Penyiapan Platform Bekerja termasuk Perobohan Kuarters dan Taman Permainan Kerajaan, Pembersihan Tapak, Perlindungan Utiliti, Kerja-Kerja Saliran, Pencawang TNB, Penempatan Semula Pokok, Lencongan dan Kawalan Trafik dan Kerja Sampingan untuk Syaf Pelancaran Cochrane	Ragawang Corporation Sdn Bhd	3-Jun-2011	7.26
4	AW4 - Pakej D1 Penempatan Semula Kabel Telekomunikasi Sedia Ada dan Kabel Bekalan Kuasa bagi Syaf Pelancaran Cochrane	E.S.S. Engineering Sdn Bhd	27-Mei-2011	0.01
5	AW - Pakej D2 Penempatan Semula Pembentungan Sedia Ada dan Saluran Air untuk Syaf Pelancaran Cochrane	Puncak Niaga (M) Sdn Bhd	24-Jun-2011	0.49
6	AW6 - Pakej E Bekalan dan Pemasangan Instrumentasi dan Peralatan untuk Kerja-Kerja Pemantauan termasuk Stesen Automatik untuk Syaf Pelancaran Semantan dan Cochrane	Soil Instruments (M) Sdn Bhd	9-Jun-2011	1.15
7	AW7 - Pakej F1 Pembinaan dan Penyiapan untuk Contiguous Bored Pile termasuk Ground Anchor untuk Syaf Pelancaran Semantan	Geohan Sdn Bhd	6-Mac-2012	6.58
8	AW8- Pakej F2 Pembinaan dan Penyiapan Secant Bored Pile untuk Syaf Pelancaran Cochrane	Bauer (M) Sdn Bhd	15-Ogos-2011	10.59
9	AW9 Pembinaan dan Penyiapan Kerja Tanah dan Kerja Berkaitan (Fasa 1) di Depoh Sungai Buloh	Gadang Engineering (M) Sdn Bhd	9-Jun-2011	23.91
10	AW10 Kerja-Kerja Meroboh Bilik Sejuk, Rumah Pam, Kerja Mengalihkan Tiang yang Menghalang Laluan TBM di IPPKL	Pembinaan CW Yap Sdn Bhd	17-Okt-2011	2.65
11	AW11-Pakej GPL1 Penempatan Semula Saluran Paip Gas Sedia Ada di Stesen Muzium Negara	Misi Setia Oil and Gas Sdn Bhd	6-Mac-2012	0.92
12	AW12- Pakej SYB1 Penempatan Semula Saluran Paip Air Sedia Ada dan Pengurusan Trafik untuk Pemindahan Utiliti di Stesen Muzium Negara	Hatimuda Sdn Bhd	31-Jan-2012	5.69
13	AW13 - Pakej TEL1 Penempatan Semula Talian Telekomunikasi Sedia Ada di Stesen Muzium Negara	Sri Communication Sdn Bhd	14-Dis-2011	0.70
14	AW14 - Pakej TCO1 Penempatan Semula Kabel Gentian Optik Sedia Ada di Stesen Muzium Negara	Tenaga Nirwana (M) Sdn Bhd	14-Dis-2011	1.50
15	AW15- Pakej TNB1 Penempatan Semula Kabel Bekalan Kuasa Sedia Ada di Stesen Muzium Negara dan Stesen Merdeka	Worktime Engineering Sdn Bhd	14-Dis-2011	1.72
16	AW16- Pakej TEL2 Penempatan Semula Talian Telekomunikasi Sedia Ada di Stesen Merdeka	Sri Communication Sdn Bhd	14-Dis-2011	1.98
17	AW17- Pakej SYB2 Penempatan Semula Saluran Paip Air Sedia Ada di Stesen Maluri	MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd	6-Mar-2012	8.34

Butir-Butir Pakej Kerja yang Dianugerahkan bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang

No	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
Kerja Awalan				
18	AW18- Pakej TEL3 Penempatan Semula Talian Telekomunikasi Sedia Ada di Stesen Maluri	Sri Communication Sdn Bhd	19-Jan-2012	10.02
19	AW19- Pakej TCO2 Penempatan Semula Talian Gentian Optik di Stesen Maluri	Fastpro Sdn Bhd	19-Jan-2012	3.90
20	AW20- Pakej TNB2 Penempatan Semula Kabel Bekalan Kuasa Sedia Ada di Stesen Maluri	Huls Transmission Sdn Bhd	6-Mac-2012	37.89
21	AW21 Kerja Grouting untuk Penggalian Bawah Tanah, Ground Anchor dan Rock Bolts untuk Syaf Pelancaran Cochrane dan Stesen Cochrane	Keller (M) Sdn Bhd	8-Mac-2012	24.02
22	AW22 Kerja-Kerja Meroboh Struktur Perhentian Bas Klang, Plaza Warisan dan UO Superstore, Bekalan dan Pemasangan 1MVA Compact Substation dan Semua Kerja-Kerja Berkaitan bagi Stesen Pasar Seni	Pembinaan CW Yap Sdn Bhd	6-Mac-2012	11.9
Jejambat				
23	Seksyen Bertingkat V1 Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Sungai Buloh ke Stesen Kwasa Damansara	Syarikat Muhibah Perniagaan & Pembinaan Sdn Bhd	18-Mei-2012	1,092.3
24	Seksyen Bertingkat V2 Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Stesen Kwasa Damansara ke Stesen Surian	Gadang Engineerring (M) Sdn Bhd	10-Jul-2012	863.39
25	Seksyen Bertingkat V3 Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Stesen Surian ke Seksyen 17	Mudajaya Corporation Bhd	10-Jul-2012	816.24
26	Seksyen Bertingkat V4 Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Seksyen 17 ke Portal Semantan	Sunway Construction Sdn Bhd	18-Mei-2012	1,172.75
27	Seksyen Bertingkat V5 Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Portal Maluri ke Stesen Taman Connaught	IJM Construction Sdn Bhd	16-Feb-2012	974.78
28	Seksyen Bertingkat V6 Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Stesen Taman Connaught ke Stesen Bandar Tun Hussein Onn	Ahmad Zaki Sdn Bhd	16-Feb-2012	764.91
29	Seksyen Bertingkat V7 Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Stesen Bandar Tun Hussein Onn ke Taman Mesra	MTD Construction Sdn Bhd	18-Mei-2012	499.98
30	Seksyen Bertingkat V8 Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Taman Mesra ke Stesen Kajang	UEM Construction Sdn Bhd	26-Sep-2012	951.09
Depot				
31	DPT1 Pembinaan dan Penyiapan Depoh Penyelenggaraan Sungai Buloh, Bangunan Pentadbiran, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan	Trans Resources Corporation Sdn Bhd	18-Mei-2012	1,092.3
32	DPT2 Pembinaan dan Penyiapan Depoh Penyelenggaraan Kajang, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan	TSR Bina Sdn Bhd	24-Jul-2012	863.39
Kerja-Kerja Bawah Tanah				
33	Kerja-Kerja Bawah Tanah (Stesen, Terowong dan Struktur Berkaitan) antara Portal Utara Semantan dan Portal Selatan Maluri	MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd	30-Mar-2012	1,092.3

Butir-Butir Pakej Kerja yang Dianugerahkan bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang

No	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
Tempat Letak Kenderaan Bertingkat				
34	MSPR1 Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Letak Kenderaan Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Sungai Buloh	TSR Bina Sdn Bhd	24-Jul-2012	117.11
35	MSPR4 Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Letak Kenderaan Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Phileo Damansara	Budaya Restu Sdn Bhd	30 Jun 2014	83.44
36	MSPR6 Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Letak Kenderaan Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Taman Midah	Perkasa Sutera Sdn Bhd	30 Jun 2014	128.87
37	MSPR8 Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Letak Kenderaan Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Bukit Dukung	Innoseven Sdn Bhd	30 Jun 2014	115.98
38	MSPR9 Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Letak Kenderaan Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Kajang	Usahasama SMPP - IBWANI	18-Mac-2013	50.70
39	MSPR11 Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Kenderaan Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Sungai Jernih	RD Resources Sdn Bhd	30 Jun 2014	123.20
Kerja-Kerja Sistem				
40	SBK-S-01 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Tren Elektrik	Konsortium Siemens Malaysia Sdn Bhd, Siemens AG dan SMH Rail Sdn Bhd	28-Sep-2012	1,365.09
41	SBK-S-02 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Peralatan Depoh dan Kenderaan Penyelenggaraan	Konsortium Siemens Malaysia Sdn Bhd, Siemens AG dan Hisniaga Sdn Bhd	28-Sep-2012	418.81
42	SBK-S-03 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Semboyan dan Kawalan Tren	Bombardier (Malaysia) Sdn Bhd	28-Sep-2012	281.31
43	SBK-S-04 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Pintu Skrin Platform	Singapore Technologies Electronics Limited	31-Jan-2013	78.09
44	SBK-S-05 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Bekalan dan Pengagihan Kuasa	Meidensha Corporation	28-Sep-2012	459.25
45	SBK-S-06 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Kerja-Kerja Landasan	Mitsubshi Heavy Industries Ltd	31-Okt-2012	855.00
46	SBK-S-07 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Telekomunikasi	Apex Communication Sdn Bhd - LG CNS Consortium	31-Okt-2012	319.94
47	SBK-S-08 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Kemudahan Scada	A.F.S Engineering (M) Sdn Bhd - ST Electronics Ltd	8-Nov-2012	23.24
48	SBK-S-09 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Kutipan Tambang Automatik	Affiliated Computer Services Solutions France SAS	22-Nov-2012	120.76

Butir-Butir Pakej Kerja yang Dianugerahkan bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang

No	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
Kerja-Kerja Sistem				
49	SBK-S-10 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Kawalan Akses Elektronik	Apex Communication Sdn Bhd - Johnson Controls (M) Sdn Bhd	8-Nov-2012	41.01
50	SBK-S-11 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Pengurusan Bangunan	Metronic Engineering Sdn Bhd	8-Nov-2012	43.04
51	SBK-S-12 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan	Sapura Research Sdn Bhd	4-Jun-2013	4.41
52	SBK-S-13 Reka Bentuk, Perolehan, Konfigurasi, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan, Latihan dan Dokumentasi Sistem IT untuk Semua Stesen Bertingkat dan Stesen Bawah Tanah dan Depoh	EV - Dynamic Sdn Bhd	23-Jul-2014	44.47
Stesen Bertingkat				
53	S1 Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Sungai Buloh, Kampung Selamat dan Kwasa Damansara	Trans Resources Corporation Sdn Bhd	28-Ogos-2012	283.67
54	S2 Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Kwasa Sentral, Kota Damansara dan Surian	Naim Engineering Sdn Bhd	3-okt-2012	204.66
55	S3 Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Mutiara Damansara, Bandar Utama dan Taman Tun Dr Ismail	UEM Construction Sdn Bhd	3-Okt-2012	275.77
56	S4 Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara dan Semantan	Naim Engineering Sdn Bhd	17-Jul-2012	208.15
57	S5 Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Taman Pertama, Taman Midah, Taman Mutiara dan Taman Connaught	IJM Construction Sdn Bhd	24-Jul-2012	228.91
58	S6 Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Taman Suntex, Sri Raya dan Bandar Tun Hussein Onn	Ahmad Zaki Sdn Bhd	28-Ogos-2012	174.64
59	S7 Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Batu Sebelas Cheras dan Bukit Dukung	Apex Communication Sdn Bhd	28-Ogos-2012	104.75
60	S8 Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Sungai Jernih, Stadium Kajang dan Kajang	Apex Communication Sdn Bhd	3-Okt-2012	251.74
Perolehan Berpusat				
61	Galang Kekotak Bersegi untuk Bahagian Utara Pembekalan dan Penghantaran Galang Kekotak Bersegi untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang Bahagian Utara	SPC Industries Sdn Bhd	2-Feb-2012	223.18
62	Galang Kekotak Bersegi untuk Bahagian Selatan Pembekalan dan Penghantaran Galang Kekotak Bersegi untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang Bahagian Selatan	Eastern Pretech (M) Sdn Bhd	2-Feb-2012	185.91
63	Pakej V1 ke V8 Reka Bentuk, Pembekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Penghadang Bunyi dan Pagar	Usahasama Muhibbah - SV - Samsung	18-Mac-2013	201.99
64	ESCI Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Kawalan Alam Sekitar untuk Pakej Bertingkat V1 ke V4 dan Depoh Sungai Buloh	Kejuruteraan Astra Sdn Bhd	18-Mac-2013	44.18

Butir-Butir Pakej Kerja yang Dianugerahkan bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang

No	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
Perolehan Berpusat				
65	ECS2 Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Kawalan Alam Sekitar untuk Pakej Bertingkat V5 ke V8 dan Depoh Kajang	FastColl Corporation Sdn Bhd	18-Mac-2013	21.97
66	FD1 Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Pengesan dan Perlindungan Kebakaran bagi Pakej Bertingkat V1, V2 dan Depoh Sungai Buloh	P.J. Indah Sdn Bhd	4-Jun-2013	31.97
67	FD2 Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Pengesan dan Perlindungan Kebakaran bagi Pakej Bertingkat V3 dan V4	Fitters - MPS Sdn Bhd	16-Ogos-2013	14.78
68	FD3 Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Pengesan dan Perlindungan Kebakaran bagi Pakej Bertingkat V5 dan V6	Zulfan (M) Sdn Bhd	18-Mac-2013	18.82
69	FD4 Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sisten Pengesan dan Perlindungan Kebakaran bagi Pakej Bertingkat V5, V6 dan Depoh Kajang	Mecomb Malaysia Sdn Bhd	13-Jun-2013	22.28
70	SDDT-E Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Step Down Distribution Transformer untuk Semua Stesen Bertingkat, Depoh Sungai Buloh dan Kajang	PTIS Engineering Sdn Bhd	18-Mac-2013	10.07
71	UPS-E Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Bekalan Kuasa Tidak Terganggu untuk Semua Stesen Bertingkat	Info-Matic Power Sdn Bhd	18-Mac-2013	6.69
72	LS-E Pembekalan, Penghantaran, Pengujian dan Pentauliahan untuk Sistem Lif di semua Stesen Bertingkat, Depoh Sungai Buloh dan Tempat Letak Kereta Bertingkat	Otis Elevator Company (M) Sdn Bhd	18-Mac-2013	42.45
73	ETS-E Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Eskalator dan Travelator di semua Stesen	MS Elevators Engineering Sdn Bhd	31-Jan-2013	102.67
74	LED-E Reka Bentuk, Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Lampu LED dan Lighting Boom Equipment untuk Semua Stesen Bertingkat	Norangkasa Enterprise Sdn Bhd	20 Dis 2013	39.90
75	LS-U Pembekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Lif di semua Stesen Bawah Tanah dan Bangunan Berkaitan	EITA Elevator (M) Sdn Bhd	25-Jul-2014	15.30
76	ETS-U Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Eskalator dan Travelator untuk Semua Stesen Bawah Tanah	EITA Elevator (M) Sdn Bhd	25 Nov 2014	79.00
77	SDDT-U Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Step Down Distribution Transformer untuk Semua Stesen Bawah Tanah dan Bangunan Berkaitan	PTIS Engineering Sdn Bhd	25-Jul-2014	7.42
78	UPS-U Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Bekalan Kuasa Tidak Terganggu untuk semua Stesen Bawah Tanah	Info-Matic Power Sdn Bhd	13 Nov 2014	5.72
79	LED-U1 Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Lampu LED di Stesen Bawah Tanah dari Stesen Muzium Negara ke Stesen Bukit Bintang	Usahasama Sena Letrik (M) Sdn Bhd-LED Vision Sdn Bhd	1 Apr 2015	4.31
80	LED-U2 Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Lampu LED di Stesen Bawah Tanah dari Stesen Tun Razak Exchange ke Stesen Maluri	Usahasama Sena Letrik (M) Sdn Bhd-LED Vision Sdn Bhd	1 Apr 2015	2.98

Butir-Butir Pakej Kerja yang Dianugerahkan bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang

No	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
Perolehan Berpusat				
81	OFF Bekalan, Penghantaran dan Pemasangan Perabot Pejabat bagi Semua Stesen Bertingkat dan Stesen Bawah Tanah, Depoh dan Medan Letak Kereta Bertingkat	Puncak Bumi Utama Sdn Bhd	3-Mei-2016	7.86
82	Sign E1 Bekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Wayfinding dan Papan Tanda Penyelenggaraan dan Operasi untuk Bahagian Jejambat dan Stesen Bertingkat bagi Pakej V1, V2, V3 dan V4	KI Engineering Sdn Bhd	3-Mei-2016	12.88
83	Sign E2 Bekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Wayfinding dan Papan Tanda Penyelenggaraan dan Operasi Bahagian Jejambat dan Stesen Bertingkat bagi Pakej V5, V6, V7 dan V8	Kemakmuran 2000 Sdn Bhd	3-Mei-2016	12.49
84	Sign U Bekalan dan Penghantaran Papan Tanda Semua Stesen Bawah Tanah dan Bangunan Berkaitan	S&I Urban Designers Sdn Bhd	5-Mei-2016	7.30
Laluan Pejalan Kaki Berbayar				
85	Pembinaan dan Penyediaan Laluan Penghubung Pasar Seni dan Kerja-Kerja Lain Berkaitan antara Stesen LRT Pasar Seni dan Stesen KTM Kuala Lumpur	Trans Resources Corporation Sdn Bhd	24-Mac-2016	103.80
Lain-Lain				
86	Pembuatan, Bekalan, Penghantaran, Pengujian, Pentauliahan dan Jaminan 150 unit Bas Perantara Diesel Completely-Knocked-Down (CKD) 10 meter	Scania (Malaysia) Sdn Bhd	8-Okt-2015	64.91
87	Pembuatan, Bekalan, Penghantaran, Pengujian, Pentauliahan dan Jaminan 150 unit Bas Perantara Diesel Completely-Knocked-Down (CKD) 10 meter	Volvo Malaysia Sdn Bhd	8-Okt-2015	62.50
88	Reka Bentuk, Pembuatan, Penghantaran, Integrasi, Pengujian, Pentauliahan dan Jaminan Sistem Bas Perantara MRT	LG CNS Malaysia Sdn Bhd	24-Nov-2015	55.80
89	Cadangan Membina Sebuah Depoh Bas Perantara MRT dan Kemudahan Sokongan Berkaitan Bagi Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang, Jajaran Sungai Buloh-Kajang di atas Lot 81520, Seksyen U4, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan seluas 10.55 ekar	Perkasa Jauhari Sdn Bhd	07-Okt-2015	118.44
90	Cadangan Membina Sebuah Depoh Bas Perantara MRT dan Kemudahan Sokongan Berkaitan bagi Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang, Jajaran Sungai Buloh-Kajang di atas Lot 24728, Jalan Sungai Sekamat, 43000 Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	Potensi Cekal Sdn Bhd	25-Mac-2016	113.93
91	Cadangan Membina Sebuah Depoh Bas Perantara MRT dan Kemudahan Sokongan Berkaitan bagi Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang, Jajaran Sungai Buloh-Kajang di atas Lot 2816 (Pa 14383), Persiaran 2/118c, Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak, Mukim Petaling, Daerah Petaling, 56000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	PASDEC Bina Sdn Bhd	4-Mei-2016	42.20

Butir-Butir Pakej Kerja yang Dianugerahkan bagi MRT Laluan Sungai-Buloh-Serdang-Putrajaya

No	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
Kerja Awalan-Bertingkat				
1	AW 201 Mereka Bentuk, Membina, Memasang, Menguji dan Pentauliahan bagi Penempatan Semula Pilon dan Kabel Penghantaran Elektrik TNB	P.E.S.B. Engineering Sdn Bhd	23-Nov-15	10.36
2	AW202 Mereka Bentuk, Membina, Memasang, Menguji dan Pentauliahan bagi Penempatan Semula Pilon dan Kabel Penghantaran Elektrik TNB	Huls Transmission Sdn Bhd	23-Nov-15	7.55
3	SBPQ Cadangan Mereka Bentuk dan Membina Kuarters Polis 17 Tingkat yang Terdiri Daripada 136 Unit Kuarters Kelas F Lengkap dengan Kemudahan dan Enam Tingkat Podium Tempat Letak Kereta di Lot 46 dan Lot 47, Jalan Suas 2, Mukim Petaling, Pekan Sungai Besi, Kuala Lumpur	S.N. Akmida Holdings Sdn Bhd	15-Jul-16	59.50
Kerja Awalan-Bawah Tanah				
4	JKR CSL Mereka Bentuk dan Membina Woksyop JKR Wilayah Persekutuan yang Baharu termasuk Woksyop Automotif dan Jentera Berat dan Bangunan Berkaitan di Lot 1571, Jalan 6/19 Cheras, bersama Taska, Gelanggang Tennis dan Pembangunan Jalan Susur Sedia Ada di Sekitar JKR Wilayah Persekutuan di Jalan Chan Sow Lin	Acre Works Sdn Bhd	02-Feb-16	77.79
5	Kraf / A Kerja-Kerja Perobohan di Block C, Bangunan Sultan Abdul Samad	Central Geo Sdn Bhd	02-Feb-16	1.98
6	Kraf / B Kerja-Kerja Pengubahsuaian dan Pemuliharaan untuk Blok A dan Blok C, Bangunan Sultan Abdul Samad, termasuk: i) Penempatan Semula Muzium Kraftangan, Pejabat 'Karyaneka', Pejabat Pengurusan Kraftangan dan Pejabat JWN ke Blok C, Bangunan Sultan Abdul Samad ii) Penempatan Semula Butik Kraftangan Karyaneka dan Kedai Cenderamata ke Block A, Bangunan Sultan Abdul Samad iii) Penempatan Semula Perkampungan Kraftangan dan Perkampungan Pelukis ke Dataran Bawah Tanah	Trans Resources Corporation Sdn Bhd	25-Mac-16	74.39
7	Kraf / C Mereka Bentuk dan Membina Struktur Dua Tingkat Baru untuk Kafeteria dan Pusat Perek di Kompleks Kraftangan Kuala Lumpur, Jalan Conlay	M.O. Jaya Sdn Bhd	14 Mac 2016	8.92
8	SPQ Mereka Bentuk dan Membina Kuarters Polis 20 Tingkat yang terdiri daripada 300 Unit Kuarters Polis Kelas F dengan Kemudahan dan Podium Tempat Letak Kereta Lima Tingkat	WCT Berhad	29-Mac-16	133.93
Kerja-Kerja Bawah Tanah				
9	UNGW Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Terowong, Stesen dan Struktur Berkaitan dari Syaf Kecemasan Jalan Ipoh Utara ke Portal Selatan Desa Waterpark	MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd	31-Mac-16	15,470.00
Kerja Sivil dan Infrastruktur/Jejambat				
10	V201 Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Struktur Berkaitan dari Sungai Buloh ke Persiaran Dagang	Sunway Construction Sdn Bhd	31 Mac 2016	1,213.00
11	V202 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Struktur Berkaitan dari Persiaran Dagang ke Jinjang	Ahmad Zaki Sdn Bhd	04-Apr-16	1,439.53
12	V203 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Struktur Berkaitan dari Jinjang ke Portal Utara Jalan Ipoh	IJM Construction Sdn Bhd	19 Mei 2016	1,470.00
13	V204 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Struktur Berkaitan dari Portal Selatan Bandar Malaysia ke Kampung Muhibbah	WCT Berhad	14-Nov-16	896.41

Butir-Butir Pakej Kerja yang Dianugerahkan bagi MRT Laluan Sungai-Buloh-Serdang-Putrajaya

No	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
Kerja Sivil dan Infrastruktur/Jejambat				
14	V205 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Struktur Berkaitan dari Kampung Muhibbah ke Serdang Raya	Trans Resources Corporation Sdn Bhd	10 Mac 2016	858.18
15	V206 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Struktur Berkaitan dari Serdang Raya ke UPM	Gadang Engineering (M) Sdn Bhd	10 Mac 2016	952.09
16	V207 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Struktur Berkaitan dari UPM ke Taman Pinggiran Putra	Mudajaya Corporation Berhad	15 Dis 2016	558.64
17	V208 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Struktur Berkaitan dari Taman Pinggiran Putra ke Persiaran Alpinia	MTD Construction Sdn Bhd	17-Nov-16	678.68
18	V209 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Struktur Berkaitan dari Persiaran Alpinia ke Persiaran APEC	Acre Works Sdn Bhd	10 Mac 2016	715.99
19	V210 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Struktur Berkaitan dari Persiaran APEC ke Putrajaya Sentral	Malaysian Resources Corporation Berhad	19 Mei 2016	648.00
Kerja Depoh/ Sivil dan Struktur				
20	DPT203 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Kerja Tanah dan Kerja Berkaitan untuk Depoh Serdang	TSR Bina Sdn Bhd	5 Mei 2016	89.40
21	DPT 201 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Depoh Penyelenggaraan Serdang, Kerja-Kerja Luaran dan Struktur Berkaitan	Konsortium KKM-TRC (Konsortium antara Konsortium Kontraktor Melayu Sdn Bhd dan Trans Resources Corporation Sdn Bhd)	12-Sep-17	348.30
Kerja-Kerja Sistem				
22	SY201 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Semboyan dan Kawalan Tren dan Pintu Skrin Platform atau Pintu Masuk Platform Automatik	Konsortium Bombardier - Global Rail (Konsortium antara Bombardier (M) Sdn Bhd - Global Rail Sdn Bhd)	19 Mei 2016	458.02
23	SY202 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Penyeliaan Kawalan Bersepadu dan Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Komputer	Usahasama Njcom - EVD (Usahasama antara Najcom Sdn Bhd - EV Dynamic Sdn Bhd)	5 Mei 2016	78.54
24	SY203 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Tren Elektrik dan Peralatan Depoh	Konsortium HAP (Konsortium antara Hyundai Rotem Company, Apex Communications Sdn Bhd, dan Posco Engineering Co Ltd)	19 Mei 2016	1,620.90
25	SY204 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Kerja Landasan, Kenderaan Penyelenggaraan dan Tren Kerja	Usahasama CCCC-George Kent (Usahasama antara China Communication Construction Company Ltd dan George Kent Malaysia Bhd)	25 Ogos 2016	1,007.29
26	SY205 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Bekalan dan Pengagihan Kuasa	Konsortium Colas - Rail (Konsortium antara Colas Rail SA dan Colas Rail System Engineering Sdn Bhd)	14-Jul-16	693.03

Butir-Butir Pakej Kerja yang dianugerahkan bagi MRT Laluan Sungai-Buloh-Serdang-Putrajaya

No	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
Kerja-Kerja Sistem				
27	SY206 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Komunikasi, Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan, Telekom Komersial (Infra) dan Sistem Informasi Teknologi	Konsortium Sapura – EVD (Konsortium antara Sapura Holdings Sdn Bhd dan EV Dynamic Sdn Bhd)	01-Aug-16	632.00
28	SY207 Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Kutipan Tambang Automatik	Konsortium Indra Sistem - Rasma Corporation (Konsortium antara Indra Sistem SA dan Rasma Corporation Sdn Bhd)	14-Sep-16	152.89
Pembekal Khusus				
29	SBG201 Pembekalan dan Penghantaran Galang Kekotak Bersegmen (Pakej V201 hingga V205)	SPC Industries Sdn Bhd	25 Mac 2016	199.30
30	SBG202 Pembekalan dan Penghantaran Galang Kekotak Bersegmen (Pakej V206 hingga V210)	Acre Works Sdn Bhd	25 Mac 2016	169.99
Subkontraktor Terpilih bagi Kerja Bertingkat				
31	S201 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Struktur Berkaitan di Damansara Damai, Sri Damansara Barat dan Sri Damansara Timur	Sunway Construction Sdn Bhd	10 Mac 2017	254.90
32	S202 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Struktur Berkaitan di Kepong Sentral, Metro Prima, Kepong Baru dan Jinjang	S.N. Akmida Holdings Sdn Bhd	21 Dis 2016	212.30
33	S203 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Struktur Berkaitan di Sri Delima, Kampung Batu, Kentonmen dan Stesen Separa Tenggelam Jalan Ipoh	IJM Construction Sdn Bhd	09-Jun-17	342.18
34	S204 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Struktur Berkaitan di Kuchai Lama dan Taman Naga Emas	WCT Berhad	19-Sep-17	199.50
35	S208 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Struktur Berkaitan di Taman Equine dan Taman Putra Permai	S.N. Akmida Holdings Sdn Bhd	19-Sep-17	219.70
36	S210 Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Struktur Berkaitan di Pusat Bandar Cyberjaya dan Putrajaya Sentral	Malaysian Resources Corporation Berhad	15-Sep-17	145.80
Kontraktor Khusus				
37	L&E201 Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Lif dan Eskalator untuk Stesen Bertingkat (Pakej V201, V202 dan sebahagian V203)	Rani-MS Engineering Sdn Bhd	19-Sep-17	73.38





**Mass Rapid Transit
Corporation Sdn Bhd (902884V)**

Tingkat 5, Menara I&P 1
No. 46, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

Talian hotline MRT 24-jam
1800-82-6868

